



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH

Kadoh bin Agundong [Ruangan 4569]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 4569]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 4569]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 4606]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Orang-orang Papa (Pindaan) [Ruangan 4607]

**Rang Undang-undang (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan
Tanah Negara (Pindaan) [Ruangan 4635]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat **TUAN YANG DI-PERTUA, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).**
- „ **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).**
- Yang Berhormat **Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).**
- „ **Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- „ **Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M., TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).**
- „ **Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- „ **Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**
- „ **Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).**
- „ **Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).**
- „ **Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).**
- „ **Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).**
- „ **Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).**

Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S., (Jelebu).

- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P., (Telok Anson).
- „ SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).

Yang Berhormat **TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR** (Padang Terap).

- „ **TUAN BAN HON KEONG** (Batu Gajah).
- „ **DR GEORGE CHAN HONG NAM** (Lambir).
- „ **TUAN CHAN KOK KIT** (Sungai Besi).
- „ **DR CHEN MAN HIN** (Seremban).
- „ **DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S.** (Beruas).
- „ **TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P.** (Ipoh).
- „ **DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K.** (Penampang).
- „ **DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S.** (Saratok).
- „ **DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S.** (Batang Lupar).
- „ **TUAN FUNG KET WING** (Sandakan).
- „ **TUAN NEWMAN GABAN** (Bandau).
- „ **TUAN GOOI HOCK SENG** (Bukit Bendera).
- „ **TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K.** (Pelabuhan Kelang).
- „ **DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J.** (Ulu Padas).
- „ **TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N.** (Rantau Panjang).
- „ **TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P.** (Labuk Sugut).
- „ **DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P.** (Ayer Hitam).
- „ **TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN** (Kuala Nerus).
- „ **TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K.** (Jerai).
- „ **TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N.** (Kemaman).
- „ **DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K.** (Sabak Bernam).
- „ **TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT** (Ulu Rajang).
- „ **TUAN KADOH BIN AGUNDONG** (Ulu Padas).
- „ **DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P.** (Larut).
- „ **TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K.** (Tawau).
- „ **TUAN KARPAL SINGH** (Jelutong).
- „ **TUAN KHADRI BIN SABRAN** (Tenggaroh).
- „ **TUAN MARK KODING** (Kinabalu).
- „ **DR KOH TSU KOON** (Tanjong).

- Yang Berhormat DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL, TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T., (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR. NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).

Yang Berhormat **TUAN OMAR BIN ABDULLAH** (Tampin).

- „ **TUAN OTHMAN BIN ABDUL** (Ulu Muda).
- „ **DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K.** (Kimanis).
- „ **TUAN PATRICK ANEK UREN** (Mas Gading).
- „ **TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I.** (Kluang).
- „ **TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI** (Serian).
- „ **DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K.** (Padang Rengas).
- „ **TUAN SEOW HUN KHIM** (Bukit Mertajam).
- „ **TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.** (Baling).
- „ **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P.** (Balik Pulau).
- „ **TUAN SIM KWANG YANG** (Bandar Kuching).
- „ **TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P.** (Damansara).
- „ **TUAN TAN KOK HOOI** (Padang Serai).
- „ **DR TAN SENG GIAW** (Kepong).
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN** (Julau).
- „ **TUAN TING LING KIEW** (Bintulu).
- „ **WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD** (Jerantut).
- „ **WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH** (Pasir Mas).
- „ **TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD** (Pasir Puteh).
- „ **WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K.** (Sungai Petani).
- „ **TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T.** (Bagan Datok).
- „ **TUAN YEW FOO WENG** (Menglembu).
- „ **DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.** (Tanjong Karang)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 15hb Oktober, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Kadoh bin Agundong.

**PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUA**

Mengalu-alukan Ahli Baru

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang kepada Ahli baru bagi kawasan Ulu Padas, yang telah mengangkat Sumpah sebentar tadi dalam Dewan ini dan kita berharap semoga beliau dapat memberi sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**DASAR EKONOMI BARU—
MASA HADAPAN**

1. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) adakah Kerajaan telah membuat apa-apa keputusan ke atas masa

hadapan Dasar Ekonomi Baru apabila ia tamat dalam tahun 1990;

(b) memandangkan bahawa DEB masih lagi ada tempoh lima tahun sebelum ia berakhir, apakah tindakan telah diambil oleh Kerajaan untuk mentaksirkan prestasinya, terutamanya dari segi perlaksanaannya untuk menentukan sama ada ianya bergerak ke arah objektif utama untuk perpaduan negara; dan

(c) sama ada Kerajaan sedar bahawa tedapat beberapa kekurangan dalam pelaksanaan DEB dan adakah ianya bersedia menerima kekurangan-kekurangan ini dan membetulkannya dengan kerjasama dan sumbangan oleh semua golongan orang awam.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):**
Tuan Yang di-Pertua;

Mengenai soalan (a), buat masa ini Kerajaan belum lagi membuat apa-apa keputusan khusus mengenai masa depan Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1990. Walau bagaimanapun, Kerajaan berpendapat walau apapun peringkat pencapaian Dasar tersebut pada tahun 1990, taraf pencapaian ekonomi antara kaum-kaum utama di negara ini masih lagi belum cukup seimbang. Kemiskinan akan terus wujud sungguhpun usaha-usaha penting telah dilaksanakan di bawah Dasar Ekonomi Baru. Berdasarkan

keadaan ini, Kerajaan berpendapat selepas tahun 1990, beberapa unsur Dasar Ekonomi Baru terutamanya yang bertujuan mengurangkan keadaan ketidakseimbangan antara kaum perlulah diteruskan demi kestabilan politik dan ekonomi negara kita.

Mengenai soalan (b), Kerajaan pada ketika ini sedang mengambil tindakan untuk menilai prestasi Dasar Ekonomi Baru menerusi Rancangan Malaysia Kelima. Seperti dalam rancangan-rancangan yang lepas, tujuan penyediaan sesebuah rancangan baru memanglah untuk menentukan sama ada kemajuan yang telah dicapai dalam tempoh lima tahun sebelumnya selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Mengenai soalan (c), Kerajaan sentiasa mengawal pelaksanaan DEB. Dari itu Kerajaan sedar wujudnya beberapa kelemahan dalam pelaksanaan Dasar tersebut. Seperti yang diamalkan oleh pihak Kerajaan, rundingan-rundingan tertentu biasanya diadakan dengan berbagai pihak yang sesuai untuk mengatasi masalah-masalah dan kelemahan yang timbul. Dalam hal ini, saya suka menegaskan bahawa semua pihak pembangkang juga adalah digalakkan untuk memberi sebarang pendapat kepada Kerajaan dalam usaha memperbaiki kelemahan-kelemahan tersebut.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru tahun 1990, masalah polarisasi kaum lebih serius dan ini satu perkara yang ada diakui oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan termasuk Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri. Adakah pihak Kerajaan dalam mengkaji pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan hasil Dasar Ekonomi Baru akan mengkaji masalah-masalah polarisasi kaum yang diwujudkan oleh Dasar Ekonomi Baru

dan untuk menimbang bahawa selepas tahun 1990 satu dasar yang boleh mencapai matlamat-matlamat untuk memerangi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat tanpa mewujudkan polarisasi kaum boleh diadakan dan dengan itu lebih spesifik. Adakah Kerajaan berhasrat selepas tahun 1990 membatalkan semua matlamat-matlamat percentage, quota dan khasnya untuk membatalkan penggunaan membezakan rakyat kepada bumiputera dan bukan bumiputera oleh kerana tujuan utama Dasar Ekonomi Baru ialah untuk mencapai perpaduan negara.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya ingin menyangkal anggapan daripada Yang Berhormat Wakil dari Kota Melaka yang mengatakan sekiranya wujud polarisasi kaum ianya disebabkan oleh Dasar Ekonomi Baru. Polarisasi sekiranya wujud tidak ada kaitan dengan Dasar Ekonomi Baru yang telah diterima oleh semua pihak. Ini saya ingin jelaskan.

Memang kita mengambil kira keadaan ketidakseimbangan kerana ini adalah merupakan faktor penting dalam menentukan pencapaian matlamat perpaduan negara. Maka dengan itu Kerajaan harus memberi tumpuan yang berterusan terhadap soal memperbaiki jurang ketidakseimbangan sama ada secara keseluruhan ataupun berasaskan kepada kaum.

Ini bermakna antara lain Kerajaan perlu menguruskan beberapa aspek penting Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1990 sama ada menyentuh matlamat pembasmian kemiskinan atau penyusunan semula masyarakat.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin membuat soalan kepada Yang Berhormat Menteri iaitu setelah 15 tahun Dasar Ekonomi Baru berjalan dan untuk mencapai matlamat

yang tersebut seperti yang ada dalam dasar tersebut, saya ingin tahu mengapakah sehingga sekarang golongan-golongan petani yang terdapat di luar-luar bandar masih lagi berada dalam taraf kemiskinan iaitu mengapakah usaha-usaha untuk meninggikan sumber pendapatan mereka melalui sumber utama seperti getah dan kelapa terus turun sedangkan harga barang semakin meningkat?

Yang kedua, sejauh manakah pula kejayaan yang telah dicapai oleh Dasar Ekonomi Baru di dalam meninggikan taraf segolongan petani-petani dan nelayan di bidang yang lain daripada yang saya sebutkan dalam bahagian yang pertama soalan saya tadi. Terima kasih.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, kita menggunakan ukuran kemiskinan yang relatif bagi mengirakan taraf kemiskinan. Dalam hal ini mungkin ukuran kemiskinan dalam Rancangan Malaysia Yang Keempat dan Yang Kelima berbeza dengan yang berlaku dahulu oleh kerana kita mengambil keadaan perseimbangan bagi semua golongan.

Dalam jawapan saya tadi, saya telah mengatakan selepas 1990 pun kemiskinan seperti yang dikirakan oleh kita masih lagi wujud dan untuk maklumat Ahli Yang Berhormat mengikut ukuran 1983, 29% golongan ini, golongan-golongan yang disebutkan tadi termasuk petani, nelayan dan juga penoreh-penoreh termasuk golongan yang berada di bawah paras kemiskinan.

Mengenai soalan yang kedua kalau saya tidak silap apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kemiskinan bagi golongan petani, begitukah Yang Berhormat, kalau saya boleh mendapat penjelasan bagi saya menjawab?

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang di-Pertua, saya maksudkan tadi dengan kejatuhan harga sumber pendapatan penduduk-penduduk di luar bandar khususnya petani seperti harga kelapa sawit dan harga getah, bagaimanakah kejayaan yang telah didapati dalam bidang-bidang yang lain yang telah diusahakan oleh Kerajaan selain daripada yang saya sebutkan getah dan kelapa tadi?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya boleh bayangkan sedikit, kejatuhan harga barang-barang yang melibatkan perkara-perkara pengeluaran daripada petani dan sebagainya juga akan dirasai oleh golongan yang lain termasuk Kerajaan oleh kerana kita bergantung kepada pendapatan ataupun jualan ataupun pasaran setelah kita menjual barang-barang ini.

Jadi, dalam hal ini sekiranya kita mendapat punca-punca hasil yang lain yang boleh mengatasi kejatuhan harga barang-barang pengeluaran daripada petani-petani tadi, ini sudah tentu Kerajaan akan membuat apa yang kita katakan usaha-usaha perseimbangan yang sewajarnya. Barang-barang ini sudah tentulah barang-barang yang tidak berpunca kepada hasil pertanian.

Dalam hal ini kalau boleh menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa sahaja melihat supaya golongan yang tinggal di bawah paras kemiskinan termasuk petani-petani dan peladang juga diberi pembangunan yang sesuai mengikut perancangan kita.

SISTEM SEKOLAH INTEGRASI— PROGRAM PERCUBAAN

2. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pelajaran menerangkan secara terperinci sistem sekolah integrasi (integrated school system). Apakah sekolah-sekolah yang telah dipilih untuk percubaan di bawah sistem ini pada tahun depan. Apakah garis panduan-garis panduan yang akan

dikemukakan bagi memastikan bahawa matlamat-matlamatnya akan dicapai. Adakah beliau sedar bahawa terdapatnya kebimbangan di setengah pihak bahawa sistem baru ini mungkin akan menjejaskan bahasa-bahasa pengantar yang kini digunakan di berbagai-bagai aliran sekolah rendah dan bahawa perlaksanaannya mungkin menimbulkan pertikaian di kalangan guru-guru di sekolah-sekolah yang terlibat. Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengeneipkan kebimbangan seperti ini.

18hb November, 1985

12. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Pelajaran memberi butir-butir lanjut mengenai program integrasi bagi sekolah-sekolah rendah yang bertujuan menggalakkan integrasi kaum yang dilancarkan tahun depan; sama ada sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil serta badan-badan pelajaran telah dirundingkan terlebih dahulu sebelum program tersebut dilancarkan, dan bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu jaminan bahawa ciri sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil tidak akan berubah akibat program tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini serentak dengan soalan mengenai perkara yang sama yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi pada 18hb November tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah yang dipilih untuk program percubaan sekolah integrasi pada tahun depan terdiri daripada sebuah sekolah dari aliran Sekolah Kebangsaan atau Sekolah Rendah Kebangsaan, sebuah dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan sebuah dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil). Ini dilaksanakan mengikut dua model yang berikut.

Model yang pertama terdiri daripada ketiga-tiga buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan atau Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang berada dalam satu kawasan.

Model yang kedua terdiri daripada ketiga-tiga buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan atau Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang berhampiran tetapi bukan dalam satu kawasan.

Program sekolah-sekolah integrasi ini menekankan penglibatan dan kerjasama sekolah-sekolah berkenaan, dalam:

- (i) penggabungan kegiatan-kegiatan ko-kurikulum (yang mana sesuai);
- (ii) penggunaan bersama kemudahan dan peralatan sekolah; dan
- (iii) perkongsian dan pengembelian tenaga, pengalaman dan kepakaran yang ada.

Objektif program ini adalah untuk:

- (i) meningkat penyertaan murid-murid dan guru-guru dari ketiga-tiga buah sekolah dalam kegiatan-kegiatan ko-kurikulum secara bersama;
- (ii) meningkatkan pergaulan, kesefahaman, bekerjasama, tolong menolong dan toleransi di antara sekolah-sekolah berkenaan secara sedar dan terancang; dan
- (iii) menggunakan kemudahan dan peralatan ketiga-tiga sekolah secara bersama dengan maksima.

Program ini hanya melibatkan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum iaitu aktiviti-aktiviti di luar bilik darjah

sahaja dan bukannya mata-mata pelajaran akademik. Oleh itu tidak seharusnya mana-mana pihak bimbang tentang terjejasnya penggunaan bahasa-bahasa pengantar yang ada di sekolah-sekolah berkenaan.

Satu bengkel sekolah integrasi akan diadakan pada awal bulan Disember tahun ini di Johor Bahru. Bengkel tersebut akan dihadiri oleh guru-guru besar sekolah rendah yang dipilih dan dikenalpasti oleh Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri yang berkenaan, untuk menyertai program percubaan sekolah integrasi pada tahun 1986. Bengkel ini dijangka akan menghasilkan satu garis panduan untuk melaksanakan program percubaan sekolah integrasi pada tahun 1986.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kementerian mendapat surat-surat atau cadangan-cadangan daripada pertubuhan-pertubuhan yang mewakili guru-guru atau Lembaga Sekolah-sekolah mencadangkan bahawa sebelum sistem sekolah integrasi dilaksanakan perlulah pihak mereka mendapat keyakinan bahawa langkah ini tidak akan menjejaskan karakter Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan bilakah Kementerian memberi satu jaminan bahawa kalau tidak boleh meyakinkan pertubuhan-pertubuhan, guru-guru dan mewakili Lembaga Sekolah bahawa sistem integrasi ini akan tidak dilaksanakan?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian telah menerima beberapa surat daripada beberapa badan yang terlibat dalam rancangan ini dan mengenai apa yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya ingin menegaskan di sini iaitu rancangan ini tidak bertujuan untuk menjejaskan prinsip mengadakan tiga aliran di peringkat sekolah rendah.

Yang kedua, tujuan rancangan ini saya percaya adalah murni, elok dan baik, oleh kerana tujuan yang utama rancangan ini adalah untuk mempererat lagi perpaduan antara murid-murid yang berbilang keturunan di sekolah-sekolah rendah, dan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya juga kita akan melanjutkan perbincangan, perjumpaan dan perundingan dengan semua pihak yang terlibat dan saya sendiri telah mengadakan beberapa perbincangan dan perjumpaan untuk tujuan menjelaskan falsafah dan objektif rancangan ini dan juga untuk menerima maklumbalas-maklumbalas yang baik dan yang boleh digunakan dalam mengubal cara pelaksanaan rancangan ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa selagi murid-murid diperingatkan bahawa terdapat perbezaan di antara mereka iaitu golongan bumiputera dan bukan bumiputera dengan perbezaan ini, yang sentiasa diperingatkan konsep ini, bolehkah wujud pergaulan dan integrasi yang sebenarnya?

Yang kedua, memandangkan jawapan tadi untuk mencapai perpaduan, bukankah satu langkah yang lebih wajar bahawa sebelum sistem ini diumumkan satu perundingan ataupun siri perundingan ataupun musyawarah diadakan di antara pihak Kementerian Pelajaran dengan orang-orang yang tertentu.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya perbezaan atau perasaan perbezaan antara satu sama lain di dalam negara ini adalah di atas sebab ada orang yang mengelirukan mereka (*Tepuk*), yang tidak ingin memahami dasar-dasar Kerajaan iaitu untuk tujuan utama iaitu perpaduan negara.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pada dasarnya Kementerian Pelajaran adalah tepat untuk mengumumkan satu rancangan seperti ini walaupun tidak mengadakan rundingan mengenai badan-badan yang akan terlibat, oleh kerana pada dasarnya apabila di dalam Kementerian sendiri dirundingkan atau dibincangkan falsafah mengenai rancangan ini, kita telah memutuskan tujuan atau objektif adalah baik untuk mengeratkan lagi perpaduan antara murid-murid dan apa yang kita hanya buat sekarang adalah untuk mengadakan seluas-luasnya perbincangan dan perundingan untuk menggubal sesuatu cara pelaksanaan yang sesuai yang akan mengambil kira semua faktor-faktor seperti sensitiviti, seperti bahasa ibunda dan lain-lain dan saya percaya langkah-langkah yang telah diambil adalah tepat.

PROJEK PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU

3. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapakah jumlah projek Pertanian Bersepadu yang telah dan sedang dilaksanakan sama ada oleh peruntukan Kerajaan Malaysia, negeri atau bantuan badan-badan antarabangsa sehingga rancangan Malaysia keempat. Berapa jumlah cadangan bagi rancangan Malaysia kelima dan dapatkah Yang Berhormat Menteri menerangkan apakah projek-projek itu; dan
- (b) dari projek-projek yang telah dilaksanakan adakah yang mengalami kegagalan. Jika ada apakah sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Projek-projek Pembangunan Pertanian Bersepadu yang telah

dilaksanakan adalah 4 buah iaitu:

1. MUDA I
2. KADA
3. Besut, dan
4. Kelantan Utara.

Projek-projek yang sedang dilaksanakan berjumlah 13 iaitu:

1. Johor Barat I
2. Barat Laut Selangor
3. MUDA II
4. Krian/Sungai Manik
5. Negeri Sembilan Timur
6. Rompin Endau
7. Kemasik Semerak
8. Melaka
9. Lembah Kedah
10. Perlis
11. Balik Pulau/Seberang Prai
12. Pahang Barat, dan
13. Johor Barat II

Cadangan yang dibuat bagi Rancangan Malaysia Kelima berjumlah 8 projek iaitu:

1. Tumboh Blok
2. Terengganu Utara
3. KADA II
4. Kalaka Saribas
5. Sungai Nal/Sungai Sokor
6. Sungai Golok
7. MUDA III, dan
8. Samarahan

- (b) Dari projek-projek yang telah dilaksanakan, tidak ada yang mengalami kegagalan secara keseluruhannya, kerana ternyata pertambahan hasil yang diperolehi selepas projek dilaksanakan.

Bagi KADA hasil padi sebelum projek untuk keseluruhan kawasannya ialah 268,000 tan setahun dan selepas projek dijalankan pengeluaran telah meningkat sehingga 723,000 tan setahun.

Bagi KADA hasil padi sebelum projek dilancarkan ialah 1,632 kilogram sehektar dan selepas tamat projek sudah meningkat sehingga 2,800 kilogram sehektar.

Bagi Besut hasil padi sebelum projek adalah antara 1,880 hingga 2,200 kilogram sehektar dan selepas tamatnya projek sudah meningkat sehingga 4,700 kilogram sehektar.

Bagi Kelantan Utara hasil padi di kawasan Lemal telah meningkat dari 1,700 kilogram sehektar dalam tahun 1976 kepada 3,900 kilogram sehektar dalam tahun 1983.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa sebabnya Sabah tidak disenaraikan dalam pelaksanaan Pertanian Bersepadu?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, projek-projek yang dicadangkan oleh Kementerian untuk dipertimbangkan oleh agensi-agensi pusat adalah bergantung kepada keperluan tempat dan penglibatan Kerajaan Negeri, dan kalau projek-projek seperti ini diperlukan di Sabah, Kementerian boleh memberi pertimbangan.

PEMBAZIRAN AIR

4. **Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa oleh sebab penyelenggaraan dan pengurusan yang tidak memuaskan kira-kira 27% (lebih 95 juta) gelen air yang dapat digunakan

adalah disia-siakan setiap hari dan ini tentulah dibayangkan dalam mana pihak konsumer adalah dipaksa untuk membayar lebih bagi air dan jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengurangkan pembaziran yang berlebihan ini.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa pembaziran air berlaku di negeri ini dan pembaziran ini berbeza daripada satu negeri dengan satu negeri dan angka 27% yang diberikan itu adalah merupakan angka pembaziran air negara untuk tahun 1978.

Suka saya nyatakan bahawa pembaziran itu bukanlah disebabkan semata-mata oleh penyelenggaraan-penyelenggaraan dan pengurusan yang tidak memuaskan. Angka 27% itu sebenarnya tidak memberi gambaran yang tepat mengenai pembaziran air di seluruh negara hari ini.

Angka itu sebenarnya memberi makna kepada peratus kerugian air yang tidak dapat disukat, dengan izin, "unaccounted for water losses".

Di dalam sistem bekalan air, kerugian ini, kerugian air yang tidak dapat disukat itu boleh ditakrifkan sebagai pembaziran di antara jumlah air pada meter yang terdapat di loji dengan jumlah air yang diterima pada meter pengguna-pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, pembaziran ini adalah disebabkan oleh saluran paip yang bocor atau pecah, kegunaan oleh pihak bomba, kerja-kerja membasuh longkang-longkang oleh penguasa tempatan, kegiatan mengguna air secara haram dan merosakkan atau mengubahsuaikan meter-meter air.

Pembaziran yang diakibatkan oleh tiap-tiap faktor tersebut di atas adalah berbeza dari satu kawasan ke satu kawasan yang lain. Umpamanya, bagi

negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan, pada tahun 1982, jumlah kerugian air yang tidak dapat disukat adalah sebanyak 23% yang disebabkan oleh faktor-faktor seperti berikut:

- (1) Saluran paip yang bocor dan pecah;
- (2) Merosak dan mengubahsuaikan meter;
- (3) Kegunaan pihak bomba dan penguasa tempatan menggunakan air secara haram;
- (4) Kesilapan meter.

Dan jumlah dianggarkan lebih kurang 23%. Daripada angka yang saya sebutkan jelaslah apa yang dianggap pembaziran air hanyalah sebagai sebanyak 10% sahaja dan disebabkan oleh saluran paip yang bocor atau pecah, penggunaan air secara haram sebenarnya bukanlah merupakan pembaziran kerana air ini sebenarnya telah digunakan.

Dengan penjelasan ini maka jelas tarif atau kadar bayaran kepada pengguna-pengguna oleh kerana pembaziran sebenarnya iaitu kerana saluran paip bocor atau pecah adalah kecil sekali.

Suka juga saya menegaskan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa mengikut kajian yang telah dibuat, had pembaziran yang dianggap paling rendah dan ekonomik adalah lebih kurang 18% dan jika tindakan diambil untuk mengurangkan rendah daripada had ini maka tindakan itu akan melibatkan perbelanjaan wang yang lebih tinggi daripada apa yang boleh diijamatkan dengan mengurangkan pembaziran bekalan air itu.

Mengenai langkah-langkah yang akan diambil untuk mengurangkan pembaziran ini, sukalah saya nyatakan bahawa langkah-langkah yang tertentu akan dan sedang dilakukan bukan sahaja di peringkat negeri tetapi juga di peringkat Persekutuan. Misalnya, di negeri Selangor untuk mengatasi

masalah pembaziran akibat daripada saluran paip bocor atau pecah, tindakan telah diambil untuk memasang alat "telemetry" yang mana akan dapat memberi maklumat yang lebih tepat mengenai keadaan sistem saluran-saluran paip yang ada. Tawaran tender untuk langkah ini telah pun dipanggil dan alat-alat tersebut dijangka akan digunakan pada tahun hadapan.

Di negeri Kedah pula, Kerajaan Negeri telah melantik jurutera perunding untuk menjalankan kajian bagi mengurangkan masalah kebocoran dan saluran-saluran paip di bandar Alor Setar. Begitu juga di negeri Perak, Kerajaan negeri berkenaan telah melantik juru perunding yang mana sedang menjalankan kerja-kerja mengatasi masalah kebocoran saluran-saluran paip, khususnya di kawasan Teluk Intan.

Di peringkat Persekutuan pula, Kementerian Kerja Raya telah pun memperuntukkan sebanyak \$1 juta bagi Rancangan Malaysia Keempat ini untuk kegunaan menjalankan kajian seluruh negara dalam mengetahui setakat mana kebocoran air di dalam negara ini dan juga mengenalpasti kawasan-kawasan yang perlu diberi keutamaan bagi mengatasi masalah yang telah disebutkan tadi.

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan. Daripada apa yang dapat saya tangkap daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, nyatalah bahawa pembaziran air dalam erti kata yang mutlak tidak berlaku atau hampir tidak berlaku. Jadi, apa yang diakui telah berlaku dan sedang berlaku ialah penggunaan air secara tidak wajar atau, dengan izin "improper utilization of water". Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah beliau sedar bahawa penggunaan air secara tidak wajar ini seperti membasuh longkang, menggunakan air

yang sudah ditapis oleh pihak bomba dan sebagainya telah menyebabkan kekurangan air yang sangat ketara di setengah-setengah tempat terutama di bandar besar seperti Kuala Lumpur dan sebagainya untuk kegunaan di rumah-rumah. Dan kalau beliau mengakui hakikat ini, tidakkah pihak Kementerian bercadang hendak menentukan bahawa penggunaan air bagi tujuan-tujuan bukan domestic iaitu seperti basuh longkang, bomba dan sebagainya dan tujuan-tujuan industri dan sebagainya hendaklah digunakan air yang tidak ditapis dan air yang ditapis ini hanya khusus digunakan untuk tujuan minuman dan domestic, dengan izin, oleh kerana kerja menapis ini mahal belanjanya. Kalau sekiranya ini dianggap boleh dilakukan, bilakah perkara ini akan dilakukan dan kalau tidak mahu dilakukan, kenapa tidak mahu dilakukan dan bilakah akan terbuka pintu hati Kementerian yang berkenaan untuk mengkaji kemungkinan perkara ini.

Dato Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah hasil daripada penerangan yang telah saya berikan kerana daripada kesedaran Kementerian inilah maka saya katakan penggunaan air secara tidak sesuai maka kita telah dapat mengesan sebanyak lebih kurang 2%. Dan apa yang telah disarankan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Ipoh sebanyak 94 juta gelen. Saya sangat bersetuju dengan apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan sahaja memikirkan hal ini sedangkan rakyat tidak mahu memikir, kita tidak akan capai, bertepuk tangan sebelah tidak berbunyi. Oleh sebab itu Kementerian saya telah pun mengemukakan cadangan supaya kita akan mengkaji pada keseluruhannya berapakah keperluan air yang akan digunakan seperti di kilang-kilang, air digunakan

untuk pembasuhan, membersih longkang dan sebagainya dapat diadakan satu saluran yang tertentu dan dengan itu tidak menjejaskan keseluruhan penggunaan air yang bersih yang telah ditapis untuk keperluan makanan dan minuman. Masa yang akan kita jalankan usaha ini adalah satu masa yang tidak dapat ditetapkan tetapi hati kita sebenarnya telah terbuka lama, cuma duit sahaja tidak masuk lagi. Insya Allah bila kekuatan kewangan kita itu ada, proses menukarkan sistem bekalan air ini akan kita jalankan.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak penjelasan daripada Timbalan Menteri. Apabila berlaku suatu kebocoran, biasanya dilaporkan oleh orang ramai pada pihak yang bertanggungjawab, tetapi pekerja-pekerja JKR atau Jabatan Kerja Air lambat mengambil tindakan terhadap kebocoran paip. Jadi saya ingin mendapat penjelasan apakah keadaan ini disedari oleh pihak Menteri. Apakah kelambatan yang berlaku ini disebabkan oleh pekerja-pekerja JKR itu sendiri yang malas seperti yang pernah diumumkan oleh Menteri Kerja Raya di mana 75% daripada pekerja-pekerja JKR adalah malas.

Dato Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya inginlah menarik perhatian Dewan yang mulia ini, khasnya kepada yang mengemukakan soalan bahawa kita kadang-kadang mengutarakan permintaan kita, pandangan kita dengan jabatan yang berkenaan pada ketika kita duduk di tempat yang berkenaan sahaja tanpa mengetahui tempat-tempat lain akan berlaku perkara yang sama.

Kalau di kawasan kita terdapat paip yang pecah seolah-olah kita tidak pernah mengangapkan bahawa di tempat lain akan berlaku paip yang pecah dan pada tiap-tiap daerah pihak Jabatan Bekalan Air mempunyai satu

pasukan atau selebih-lebihnya dua pasukan untuk membuat kerja-kerja penyeliaan ataupun membaiki paip-paip yang pecah itu.

Kemungkinan ketika Ahli Yang Berhormat menelefon, pihak Jabatan yang berkenaan kedua-dua gang itu sedang membuat kerja di tempat yang lain dan tak patut sangatlah mereka hendak tinggalkan sahaja tempat yang lain dan datang ke tempat yang baru diadakan itu tetapi ini tidaklah bermakna bahawa kakitangan Kementerian saya daripada Jabatan Bekalan Air ini tidak menyahut seruan dan menjalankan tanggungjawab seperti yang telah disarankan. Walaupun Yang Berhormat Menteri sendiri telah menyatakan terdapat 15%-75% itu adalah di antara yang tidak membuat kerja tetapi masih ramai lagi, saya rasa 125% yang membuat kerja di tempat-tempat yang lain di mana sebahagian daripada kita patut ada mempunyai keinsafan ini dan kalau benar 25% sahaja yang membuat kerja, sudah tentulah tuan-tuan akan menghadapi masalah yang lebih teruk daripada keadaan yang ada sekarang.

PROTON SAGA—GALAKAN PENGGUNAAN PIHAK KERAJAAN

5. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan bilangan Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen yang telah membeli kereta buatan Malaysia, Proton Saga, dan sama ada beliau akan mengarahkan semua kereta rasmi Kerajaan ditukar kepada kereta Proton Saga; jika tidak, mengapa.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini seramai 16 orang Menteri Kabinet dan 18 orang Timbalan Menteri telah membeli kereta Proton Saga. Belum ada di

kalangan Setiausaha-setiausaha Parlimen yang telah membeli kereta yang berkenaan.

Setakat ini belum ada arahan untuk menukarkan semua kereta rasmi Kerajaan dengan kereta Proton Saga. Walau bagaimanapun Kerajaan memang ada mengeluarkan arahan hanya kereta yang dipasang siap dalam negara sahaja boleh digunakan sebagai kereta rasmi.

Dalam hal ini, kereta Proton Saga hanya ada 2 jenis model dan terpulanglah kepada agensi Kerajaan masing-masing bagi menentukan kesesuaiannya untuk digunakan sebagai kereta rasmi.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk mengarahkan kakitangan-kakitangan diplomatik Malaysia di luar negeri untuk menggunakan kereta Proton Saga ini sebagai satu cara untuk memperkenalkan dan juga mempopularkan Proton Saga di luar negeri dan cara itu insya-Allah boleh mendapat pasaran yang lebih untuk Proton Saga.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, arahan itu belum ada dikeluarkan tetapi hasrat Kerajaan memanglah untuk menggalakkan penggunaan kereta nasional Proton Saga ini dan tertakluk kepada keupayaan kewangan untuk menghantarkan kereta-kereta ini kepada kedutaan-kedutaan dan suruhanjaya-suruhanjaya kita di luar negeri, saya rasa ini memang tujuannya, iaitu menggalakkan penggunaannya di luar negeri.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri adakah pihak Pembangkang termasuk Ketua Pembangkang juga ada membeli kereta Proton Saga dan

adakah hanya laungan untuk membeli kereta Proton Saga ini ditentukan kepada pihak Kerajaan semata-mata dan tidak kepada parti Pembangkang?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya belum nampak pihak Pembangkang yang ada memandu kereta Proton Saga. Mudah-mudahan mereka sedar hasrat Kerajaan dan hasrat negara ini untuk memperluaskan penggunaan kereta Proton Saga.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri adakah beliau sedar bahawa kereta Proton Saga ini dibeli oleh Menteri dan Timbalan hanya untuk isteri dan untuk anak-anak sahaja. (*Ketawa*). Dengan sebab itu seribu buah kereta Proton Saga tidak pun kelihatan di jalan raya. Jadi penggunaan cara bagaimanakah supaya darjah atau taraf pemakaian kereta Proton Saga itu dipandang tinggi oleh rakyat negara ini?

Tuan Yang di-Pertua: Isteri pun sudah cukup tinggi! (*Ketawa*).

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, tak benar hanya isteri-isteri sahaja menggunakannya. Pada hari Sabtu pun saya sendiri menggunakan kereta saya dan semalam pun kita menggunakan kereta itu dan tentu sekali kereta itu adalah untuk semua keluarga kita, terutama sekali untuk urusan kita sendiri. Jadi tak benarlah anggapan itu.

PEPERIKSAAN SPM/STPM— PERATURAN UNTUK CALON-CALON

6. Dr Leo Michael Toyad minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah Kementerian untuk

mengelakkan ketidak dapatnya murid-murid mengambil peperiksaan STP atau SPM kerana tidak adanya sijil beranak. Dan apakah langkah yang akan diambil supaya murid-murid yang tidak dapat mengambil peperiksaan pada tahun yang lepas dapat mengambil peperiksaan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya surat kelahiran atau sijil beranak tidaklah dijadikan syarat bagi membolehkan calon-calon menduduki peperiksaan.

Bagaimanapun perlu dijelaskan bahawa adalah menjadi peraturan tetap Kementerian Pelajaran bahawa setiap calon yang mengambil peperiksaan yang dikendalikan olehnya mestilah mempunyai kad pengenalan. Kad pengenalan adalah penting dan perlu untuk mengelakkan sebarang penyelewengan seperti perbuatan menyamar diri untuk menduduki peperiksaan.

Kad pengenalan adalah amat penting sebagai satu-satunya bukti sah bagi tujuan pengenalan diri calon-calon. Bagaimanapun bagi murid-murid yang tidak mempunyai kad pengenalan atau sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, Kementerian Pelajaran telah mengenakan satu peraturan ke atas mereka iaitu melalui penggunaan borang perakuan untuk mengambil peperiksaan untuk dijadikan asas pengenalan diri calon itu. Oleh itu tidaklah timbul soal murid-murid tidak dapat mengambil peperiksaan pada tahun yang lepas disebabkan tidak mempunyai sijil beranak atau kad pengenalan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Liang Seng.

(Soalan No. 7 Y. B. Tuan Lim Liang Seng tidak hadir)

**PENYAKIT AIDS—
UJIAN DARAH**

8. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah benar 19 contoh darah telah dihantar ke Australia untuk ujian mengenai AIDS;
- (b) apakah hasil ujian tersebut;
- (c) apakah usaha Kerajaan untuk menghindarkan sebaran AIDS dari luar negeri; dan
- (d) apakah kaum pondan yang bergiat di kawasan-kawasan Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Pinang Kuala Lumpur dan kawasan-kawasan yang sejenisnya di seluruh Malaysia akan dipaksa menjalani ujian AIDS.

Menteri Kesihatan (Dato Chin Hon Ngian): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini:

- (a) Sehingga hari ini (15hb Oktober, 1985) sejumlah 23 contoh darah telah dihantar ke Melbourne, Australia untuk ujian bagi AIDS.
- (b) Sehingga hari ini juga keputusan bagi 18 contoh darah yang pertama telah diterima dan keputusan-keputusannya adalah negatif bagi AIDS. Keputusan bagi 5 contoh darah masih belum diterima.
- (c) AIDS boleh dibawa masuk ke Malaysia sama ada oleh rakyat Malaysia yang balik dari luar negeri ataupun orang asing yang melawat negara ini.

Kementerian Kesihatan sedang memberi pelajaran kesihatan yang intensif kepada rakyat Malaysia menerusi media massa dan risalah-risalah serta poster-poster berkenaan dengan AIDS supaya mereka dapat menjauhkan diri daripada

terkena penyakit AIDS semasa di luar negeri. Di sini saya menunjukkan risalah-risalah dan juga poster-poster yang telah disediakan oleh Kementerian Kesihatan umpamanya risalah yang begini dalam beberapa bahasa, bahasa Malaysia, bahasa Ingeris, bahasa Tamil dan bahasa Cina telah pun disediakan untuk orang ramai dan juga poster-poster tentang bahaya AIDS telah pun ditampal di tempat-tempat yang senang dilihat oleh orang ramai di bandar-bandar.

Sebarang kes AIDS yang diketahui di kalangan rakyat Malaysia yang pulang ke tanah-air akan diawasi dan dimasukkan ke hospital untuk rawatan sokongan (supportive treatment) jika perlu. Kes-kes AIDS yang diketahui di kalangan orang asing teutamanya mereka-mereka yang berkemungkinan besar merebakkan penyakit tersebut seperti pelacur akan dihalang dari memasuki negara ini bagi mencegah mereka merebakkan penyakit ini kepada penduduk tempatan. Tetapi sangatlah susah hendak mengetahui kes-kes seperti ini oleh sebab pengawasan secara besar-besaran (mass screening) terhadap mereka yang hendak masuk ke negeri ini adalah tidak praktikal dan mahal kosnya dan akan memberikan kesan yang tidak baik ke atas perdagangan, pelancongan dan juga imej negara kita.

- (d) Pada masa ini Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk memaksa pondan-pondan menjalani ujian AIDS. Bagaimanapun, mereka boleh dengan cara sukarela pergi ke mana-mana hospital Kerajaan

untuk menjalani ujian AIDS dan setakat ini tiga orang pondan telah pun mengadakan ujian AIDS.

Tuan Lee Lam They: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada menghantar contoh darah ke Australia untuk ujian, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu berapa contoh darah yang telah diambil sehingga hari ini untuk dihantar ke makmal Institut Penyelidikan Perubatan Malaysia untuk ujian dan apakah hasilnya?

Soalan tambahan yang kedua ialah sejak Kerajaan melancarkan kempen kebangsaan untuk mengatasi masalah AIDS ini, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu sejauh mana kempen ini telah dapat dijalankan dengan licinnya?

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan di sini masalah AIDS ini bukan satu masalah di negara kita. Saya telah pun memberi jawapan sebentar tadi iaitu dari 23 contoh darah yang disyaki mengandungi kuman AIDS itu telah pun dihantar ke pusat ujian di Australia untuk diuji tetapi 18 daripada 23 contoh darah itu telah diuji dan didapati tidak mempunyai kuman AIDS.

Tentang bilangan contoh darah yang diuji di Institut Penyelidikan Perubatan di Kuala Lumpur, saya diberitahu sejumlah 3,644 contoh darah telah pun diuji dan daripada 3,644 ini hanya 23 yang saya sebutkan tadi disyaki mengandungi kuman

AIDS tetapi apabila ujian dibuat di Australia, 18 contoh darah itu telah pun diuji dan didapati tidak mengandungi kuman AIDS.

Di sini suka saya menyatakan untuk memastikan bahawa jika ada AIDS di negara kita ini, kita telah pun menuhkan satu jawatankuasa khas yang diketahui oleh Pengarah Perkhidmatan Kasihatan dan ahli-ahli jawatankuasa itu termasuk ketua-ketua unit di dalam Kementerian Kesihatan dan juga ahli-ahli pakar-pakar perubatan dari universiti-universiti tempatan.

PEPERIKSAAN BAHASA MALAYSIA SPM—CALON PERSENDIRIAN

9. **Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah calon-calon dari negeri-negeri Sarawak dan Sabah yang telah menduduki mata pelajaran Bahasa Malaysia, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) secara sendiri pada tahun-tahun 1983, 1984 dan 1985, jumlah calon-calon telah mendapat kepujian pada tahun masing-masing dan jumlah mendapati lulus dalam peperiksaan itu sahaja. Di antaranya, berapa peratus yang telah lulus peperiksaan itu selama tiga tahun itu; apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak berkenaan untuk meninggikan taraf Bahasa Malaysia di negeri Sarawak dan Sabah.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak membuat analisa keputusan peperiksaan Bahasa Malaysia SPM bagi calon-calon persendirian khas untuk calon Sabah dan Sarawak. Bagaimana analisa

keputusan peperiksaan Bahasa sekolah untuk negeri Sabah dan Malaysia SPM bagi calon-calon Sarawak adalah seperti berikut:

Negeri	Mata Pelajaran	Tahun	Bilangan Menduduki	Amat Baik	Kepujian	Lulus	Lulus (1-8)
Sabah	Bahasa Malaysia	1983	6820	74 (1.1%)	1825 (26.8%)	3720 (54.5%)	5619 (82.4%)
	Bahasa Malaysia	1984	8180	62 (0.8%)	2244 (27.4%)	4792 (58.6%)	7098 (86.3%)
Sarawak	Bahasa Malaysia	1983	4134	37 (0.9%)	1071 (25.9%)	2391 (57.8%)	3500 (84.7%)
	Bahasa Malaysia	1984	4450	62 (1.4%)	1191 (26.8%)	2618 (28.9%)	3876 (87.1%)

Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang diambil untuk meninggikan taraf Bahasa Malaysia di negeri Sarawak dan Sabah ialah menjadikan Bahasa Kebangsaan dan bahasa pengantar di sekolah-sekolah. Kerajaan juga terus melatih guru-guru Bahasa Malaysia dan juga menambahkan jumlah guru Bahasa Malaysia dan juga mengadakan kursus-kursus tertentu termasuklah Kursus Intensif Bahasa Malaysia.

Setakat ini Bahasa Malaysia sudah pun digunakan hingga ke peringkat Peperiksaan SRP di negeri Sarawak. Di samping itu Kerajaan Negeri juga telah mengumumkan pelaksanaan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Rasmi di negeri Sarawak dan baru-baru ini Kerajaan Negeri telah mengadakan satu perisytiharan dan mengadakan satu upacara Bulan Bahasa Malaysia untuk mempertingkatkan lagi penggunaan Bahasa Malaysia di kalangan rakyat.

Suka saya sarankan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa tugas untuk mempertingkatkan penggunaan Bahasa Malaysia di negeri Sarawak juga bergantung kepada usaha Ahli Yang Berhormat dan saya sarankan supaya Ahli Yang Berhormat sama-sama masalah mempelajari Bahasa Malaysia kita sendiri dan juga Bahasa Malaysia di kalangan rakyat negeri Sarawak.

Tuan Justine Anak Jinggut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa ada segolongan orang di Sarawak dengan sengajanya tidak mahu mempelajari Bahasa Malaysia dan menggunakan isu ini untuk kepentingan politiknya sendiri? Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak ada laporan rasmi mengenai itu tetapi berita angin ada dan ini ialah terdiri daripada golongan-golongan yang suka hendak menggunakan isu itu untuk kepentingan politik sendiri. Namun demikian, saya rasa hasrat kita akan terus kita jalankan dan golongan-golongan yang berusaha untuk kepentingan sendiri ini akan kita tentang habis-habisan supaya dasar ini dapat kita laksanakan dengan

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order. Apa yang disebarkan dalam Dewan ini, ini cuma berita angin, dia sendiri cakap!

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa betul itu, jangan mengeluarkan berita-berita angin.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya kata berita angin itu ada tetapi kalau sekiranya berita angin itu benar, kita berusaha

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dalam masa Soal-Jawab kita tidak boleh mengadakan spekulasi. Ada di dalam Peraturan Mesyuarat yang kita tidak boleh membuat anggapan-anggapan.

SUBSIDI HARGA PADI

10. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula sistem subsidi dan harga padi memandangkan kelemahan-kelemahan yang ada dengan sistem yang ada sekarang dan kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh petani-petani untuk memasarkan hasil pengeluaran mereka. Jika ada, sila nyatakan apakah sistem yang akan dicadangkan supaya unsur subsidi dapat diganti dengan sistem lain yang menjamin pendapatan petani tidak terjejas dan harga beras tidak membebankan rakyat yang berpendapatan rendah.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, buat pada masa ini Kerajaan belum lagi ada mempunyai cadangan untuk menaikkan harga padi atau mengubah sistem subsidi yang dilaksanakan sekarang. Walau bagaimanapun, seperti Ahli Yang Berhormat maklum, Kerajaan sentiasa sensitif di atas masalah yang dihadapi oleh rakyat. Maka oleh sebab itulah Kerajaan sentiasa mengkaji dan akan terus mengkaji dan telah pun menaikkan harga padi dari satu masa ke satu masa seperti berikut:

Pada 20-7-73 dinaikkan kepada di antara \$31.42 hingga \$38.03 untuk 100 kg.

Pada 29-1-74 dinaikkan kepada di antara 36.38 hingga \$42.99 untuk 100 kg.

Pada 2-8-74 dinaikkan kepada di antara \$39.68 hingga \$46.30 untuk 100 kg.

Pada 5-1-79 dinaikkan kepada di antara \$42.99 hingga \$49.60 untuk 100 kg.

Pada 10-1-80 dinaikkan kepada di antara \$46.30 hingga \$49.60 tidak termasuk bayaran subsidi sebanyak \$3.31 setiap 100 kg.

Pada 16-7-80 dinaikkan pula bayaran subsidi kepada \$16.54 pada setiap 100 kg.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga padi yang ditawarkan kepada petani-petani adalah berdasarkan kepada harga tawaran padi yang mana ditetapkan harga terendah bagi gred padi panjang dan padi sederhana, di samping itu subsidi pula adalah dibayar mengikut berat bersih padi yang dijual. Paras harga bagi 100 kg padi ialah \$46.30 bagi padi sederhana dan \$49.60 bagi padi panjang. Di samping harga tawaran tersebut, petani-petani diberi subsidi sebanyak \$16.54 bagi setiap 100 kg padi yang dijual.

Sistem harga tawaran padi ini telah terbukti dapat menstabilkan harga padi yang diterima kepada petani-petani. Harga padi serta subsidi yang dibayar kepada petani juga telah meningkatkan paras pendapatan mereka.

Kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh petani-petani dalam memasarkan padi mereka bukanlah berpunca dari dasar harga dan subsidi yang ditetapkan oleh Kerajaan. Masalah yang timbul adalah berpunca dari kekerapan penanaman dan corak penuaian yang telah diperubah di mana tempoh antara musim penanaman dan masa penuaian semakin singkat. Di samping itu penggunaan jentuai yang meluas juga telah mempercepatkan proses penuaian. Jumlah padi yang banyak yang dibeli oleh LPN dalam

masa yang singkat telah menimbulkan masalah di bidang pengangkutan, proses menentukan mutu padi dan kerja-kerja pengendalian di Kompleks LPN.

Pihak Kementerian sentiasa berusaha untuk memperkemaskan sistem dan perjalanan operasi LPN. Umpamanya dari segi pemberian subsidi, LPN telah memperkenalkan Buku Pendaftaran Pesawah untuk mengelak dan membanteras penyelewengan dan akan terus berusaha menyelesaikan atau meringankan masalah yang dihadapi oleh petani-petani.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7 dan 11 hingga 13 adalah diberi di bawah ini)

GURU BERIJAZAH/BUKAN BERIJAZAH

7. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada kerajaan telah memutuskan untuk mengkategorikan semula guru-guru kepada dua kategori sahaja iaitu guru berijazah dan guru bukan berijazah; jika ya, sila berikan detil-detilnya dan juga langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan supaya kesempatan kenaikan adalah sama dan adil tidak mengira kaum.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah bersetuju supaya diwujudkan hanya 2 Skim Perkhidmatan bagi Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran untuk menggantikan 11 skim yang sedia ada. Kedua-dua skim yang dimaksudkan ialah Skim Perkhidmatan Pelajaran Siswazah dan Skim Perkhidmatan Pelajaran Bukan Siswazah. Walau bagaimanapun butir-butir terperinci mengenai skim ini dan implikasi kosnya masih dalam kajian.

HUKUMAN GANTUNG SAMPAI MATI—BILANGAN

11. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah orang-orang yang berada di bilik maut yang menunggu untuk digantung mati dengan menyatakan penjara di mana mereka berada; jumlah yang telah pun menjalani hukuman mati sehingga 1-9-1985.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad): Soalan Yang Berhormat ini mempunyai dua bahagian iaitu jumlah orang yang telah menjalani hukuman gantung sampai mati dan bilangan yang masih dalam tahanan sementara menunggu hukuman gantung sampai mati.

Bahagian Pertama

Bilangan orang yang telah menjalani hukuman gantung sampai mati di seluruh negara hingga 1-9-1985 dikira dari tahun 1970) ialah seramai 118 orang. Pecahan mengikut jenis kesalahan yang mereka lakukan ialah seperti berikut:

<i>Jenis Kesalahan</i>	<i>Bilangan</i>
(a) Kesalahan di Bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (semakan 1972)	48 orang
(b) Kesalahan di bawah Akta Dadah Merbahaya 1952 (semakan 1980)	32 orang
(c) Kesalahan membunuh	27 orang
(d) Kesalahan di bawah Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971	11 orang
JUMLAH	118 orang

Bahagian Kedua

Bilangan orang yang masih ditahan kerana menunggu untuk menjalani hukuman gantung sampai mati pula berjumlah 78 orang seperti berikut:

<i>Tempat Tahanan</i>	<i>Bilangan ditahan</i>
(a) Penjara Taiping	36 orang
(b) Penjara Pudu	21 orang

<i>Tempat Tahanan</i>	<i>Bilangan ditahan</i>
(c) Penjara Pulau Pinang ..	10 orang
(d) Penjara Pengkalan Chepa	3 orang
(e) Penjara Sarawak	3 orang
(f) Penjara Alor Setar ..	2 orang
(g) Penjara Johor Baharu ..	2 orang
(h) Penjara Sabah	1 orang
JUMLAH ..	78 orang

Pecahan berdasarkan kepada kesalahan jenis kesalahan yang mereka lakukan adalah seperti berikut:

<i>Jenis Kesalahan</i>	<i>Bilangan</i>
(a) Kesalahan di bawah Akta Dadah Merbahaya 1952 (semakan 1980)	55 orang
(b) Kesalahan kerana membunuh	14 orang
(c) Kesalahan di bawah A.K.DN. 1960 (semakan 1972)	6 orang
(d) Kesalahan di bawah Akta Senjatapi (Penalti lebih berat) 1971	2 orang
(e) Kesalahan di bawah Akta Colik No. 41/61	1 orang
JUMLAH ..	78 orang

PERUNTUKAN KEPADA KERAJAAN PULAU PINANG MENGENAI PELANCONGAN

12. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) jumlah peruntukan terus kepada Kerajaan Pulau Pinang untuk memperkenalkan pelancongan di negeri ini dalam tahun 1982, 1983, 1984 dan Jan/Ogos, 1985 berturut-turut; dan
- (b) apakah projek-projek tertentu yang diambil terus oleh Kerajaan Persekutuan untuk memperkenalkan pelancongan dalam masa 4 tahun kebelakangan. Jika tidak, sama

ada terdapat sebarang projek-projek tertentu yang akan diambil oleh Kerajaan tidak lama lagi.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):**

- (a) Kerajaan tidak memberi peruntukan terus kepada mana-mana negeri bagi projek pelancongan bagi tahun 1982, 1983, 1984 dan Jan/Ogos 1985. Walau bagaimanapun Kerajaan pusat memberikan peruntukan yang mencukupi untuk projek-projek pembangunan di negeri-negeri tersebut. Projek-projek pembangunan yang dilaksanakan tersebut mengambil kira keperluan-keperluan untuk memperkenalkan negeri-negeri tersebut sebagai sebuah destinasi pelancongan.

Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia juga turut memberikan sumbangan untuk memperkenalkan Pulau Pinang di dalam program-program pemasaran yang dijalankan di luar negeri. Selain dari itu, Perbadanan juga memberi bantuan kepada badan-badan pelancongan di negeri Pulau Pinang seperti Persatuan Pelancongan Pulau Pinang.

Kursus-kursus Pemandu Pelancong juga diadakan pada tiap-tiap tahun dengan tujuan untuk menyediakan khidmat Pemandu Pelancong yang berkelayakan dan pada waktu yang sama, mengadakan kursus ulangkaji bagi meningkatkan pengetahuan Pemandu-pemandu Pelancong yang sedia ada dari semasa ke semasa.

- (b) Kerajaan Persekutuan tidak ada mengambilalih apa-apa projek perhotelan atau projek-projek pelancongan yang lain di Pulau

Pinang dalam tempoh empat (4) tahun kebelakangan ini. Kerajaan Persekutuan juga tidak bercadang untuk mengambilalih mana-mana projek di masa akan datang.

TASK FORCE VII MENGENAI KAWALAN PENDATANG HARAM

13. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Dalam Negeri menyatakan butir-butir mengenai "task Force VII" yang dikerahkan untuk mengawal kemasukan pendatang-pendatang haram seperti:

- (a) jumlah bilangan pegawai serta anggota Polis yang terlibat;
- (b) luasnya bidang kekuasaan unit penguatkuasaan ini;
- (c) sejak penubuhannya dalam tahun 1978, bilangan kes pendatang haram yang telah dikelolakan olehnya dan bilangan pendatang haram yang ianya telah menyumbangkan maklumat supaya dihantar balik ke negara asal mereka;
- (d) jumlah bilangan kapal terbang "spotter" yang telah dipesankan;
- (e) anggaran bilangan pendatang haram yang unit ini juga telah memasuki negara ini; mengapakah angka ini dipilih;
- (f) sama ada unit ini telah berjaya untuk memperolehi maklumat mengenai sebarang kegiatan jenayah yang melibatkan pendatang-pendatang haram. Jika ada, apakah di antaranya kes-kes jenayah yang terlibat dan apakah bilangan kes tersebut yang telah:

- (i) dibuktikan;
- (ii) disyaki, dan

(g) dengan cara bagaimanakah pihak unit penguatkuasa ini akan dapat mengecam penceroboh-penceroboh ke dalam negara kita.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Pasukan Petugas Pendatang Haram Vietnam (PHV) (Task Force VII) telah ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri pada 8hb Disember, 1978 khusus untuk mengawal kemasukan Pendatang Haram Vietnam. Pasukan ini dibantu oleh agensi-agensi lain seperti berikut:

- (i) Angkatan Tentera Malaysia;
- (ii) Polis Di Raja Malaysia;
- (iii) Jabatan Imigresen Malaysia;
- (iv) Jabatan Penjara Malaysia;
- (v) Kastam dan Eksais Di Raja;
- (vi) Pasukan RELA Malaysia;
- (vii) Jabatan-jabatan lain di Persekutuan dan Negeri;
- (viii) Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia; dan
- (ix) Suruhanjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu Bagi Orang-orang Pelarian (UNHCR).

Oleh kerana agensi-agensi ini terlibat secara keseluruhan dengan Pasukan Petugas VII, maka tiada jumlah bilangan pegawai dan anggota yang dapat dinyatakan.

Pasukan Petugas ini bertanggungjawab mengenai perkara-perkara berikut:

- (i) Merancang dan mengambil langkah-langkah untuk mencegah kemasukan pendatang-pendatang haram Vietnam ke Malaysia. Tugas ini telah dihentikan lanjutan kepada perjanjian Geneva tahun 1979 di mana Malaysia bersama negara-negara Asia Tenggara yang lain bersetuju menjadi Negara Perlindungan Pertama

(First Asylum Country) kepada pelarian Vietnam dengan syarat mereka dipindahkan ke negara-negara ketiga tanpa membebankan Malaysia dengan sebarang saki-baki.

- (ii) Menyelaraskan hal-hal berkaitan dengan kawalan dan penempatan mereka di Kem-kem pendatang haram yang dikhaskan oleh negeri-negeri;
- (iii) Menguruskan usaha-usaha pemindahan mereka ke negara ketiga; dan
- (iv) Menjalankan tugas-tugas lain yang berkaitan yang diberi oleh Pengarah Gerakan Negara dari masa ke semasa.

Dari awal tahun 1975 hingga akhir 1978 seramai 70,206 pendatang haram Vietnam telah mendarat di Malaysia dan seramai 20,292 PHV telah dipindahkan ke negara ketiga meninggalkan baki seramai 50,015 PHV pada akhir Disember 1978. Dari awal 1979 hingga 30hb September 1985, seramai 136,018 lagi PHV telah mendarat di Malaysia dan seramai 177,697 PHV telah dipindahkan ke negara ketiga meninggalkan baki seramai 8,292 pada 30hb September, 1985.

Pihak Kementerian tidak membuat anggaran bilangan pendatang haram yang diduga memasuki negara ini.

Pasukan Petugas VII secara langsung tidak menyiasat kegiatan jenayah pendatang haram Vietnam oleh kerana ianya mempunyai tugas dan tanggungjawab yang ditentukan. Sebaliknya tugas penyiasatan ini dilaksanakan oleh pihak polis.

Tujuan utama pendatang-pendatang haram Vietnam ini mendarat di Malaysia adalah untuk ditempatkan di negara-negara ketiga. Oleh yang demikian kemasukan mereka adalah secara terang. Walau bagaimanapun bot-bot ronda Tentera Laut dan Polis

sentiasa mengawal kemasukan mereka. Di samping itu Pasukan Petugas VII mempunyai beberapa buah pos di sepanjang pantai timur Semenanjung Malaysia untuk mengawal pendaratan mereka.

RANG UNDANG- UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG BANK (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bank 1973; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT KEWANGAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat Kewangan 1969; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG BANK ISLAM (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bank Islam 1983; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA

(HAKMILIK PULAU PINANG DAN MELAKA) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG ORANG-ORANG PAPA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.38 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Orang-orang Papa 1977 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tujuan meminda Akta Orang-orang Papa 1977 adalah seperti berikut:

Menghadkan tempoh seorang tahanan kepada 3 tahun;

Memberi kuasa kepada Majistret untuk menambah tempoh tahanan itu tidak melebihi 3 tahun;

Memberi, kuasa kepada Menteri untuk memendekkan tempoh tahanan dan mengadakan seliaan lanjutan untuk seorang papa yang dilepaskan dari tempoh tidak melebihi satu tahun.

Dengan pindaan tersebut dapatlah tugas-tugas mencegah orang-orang papa dari mengemis dan seterusnya membolehkan mereka supaya dapat

kembali ke pangkuan masyarakat dijalankan dengan lebih licin dan berkesan.

Pindaan yang dicadangkan itu adalah seperti berikut:

Kuasa bagi menghadapi seorang papa tinggal di rumah kebajikan seksyen 13 (4). Pada awalnya seksyen Akta ini memperuntukkan bahawa seorang papa boleh diperintah supaya tinggal di rumah kebajikan dengan tidak ditentukan lamanya hingga Menteri berpuas hati yang boleh dilepaskan dari rumah kebajikan itu, di bawah seksyen 13 Akta.

Akibatnya seorang papa boleh ditahan di rumah kebajikan selama tempoh yang lebih lama dari apa yang diperlukan dan keadaan ini telah menimbulkan berbagai ketidakpastian dan gangguan emosi ke atas orang papa itu yang boleh memudaratkan rancangan untuk memulihkannya. Peruntukan ini dipinda supaya perintah itu mempunyai satu tempoh tertentu tidak boleh melebihi 3 tahun bagi mengatasi masalah yang dihadapi.

Selain dari itu kuasa juga diberi kepada Majistret untuk melanjutkan perintah selama satu tempoh selanjutnya yang difikirkan patut dan tempoh itu tidaklah boleh melebihi 3 tahun setelah ia berpuas hati dari satu laporan yang diberi oleh seorang pegawai kebajikan masyarakat bagi melanjutkan perintah itu. Peruntukan bagi menambah jangka masa tinggal bagi seorang papa di dalam rumah kebajikan adalah mustahak kerana tidak ke semua mereka dapat dipulihkan dengan jayanya dalam masa 3 tahun itu. Ini adalah disebabkan beberapa faktor kerana keupayaan dan juga kemampuan seseorang itu menerima latihan dan kemahiran adalah berbeza. Peruntukan ini sangatlah perlu supaya dapat memastikan bahawa seseorang itu

dibebaskan setelah ia benar-benar dapat mengikuti latihan dan kemahiran secukup bagi kepentingan pemulihan.

*Memendekkan tempoh tinggal—
Seksyen 13.*

Kuasa melepaskan seorang papa yang diterima masuk ke satu rumah kebajikan masyarakat diberi kepada Menteri supaya penglepasan berdasarkan jika Menteri berpuas hati bahawa adalah adil dan patut berbuat demikian kerana sebab-sebab istimewa mengenai orang itu.

*Penyeliaan selepas dilepaskan—
Seksyen 16*

Peruntukan baru ini bertujuan membolehkan seorang papa itu apabila dilepaskan dari rumah kebajikan. Seseorang itu hendaklah diletakkan di bawah seliaan seorang pegawai kebajikan masyarakat selama tempoh tidak melebihi satu tahun. Cadangan ini mengadakan peruntukan seliaan lanjutan adalah difikirkan perlu bagi membolehkan seseorang itu diletakkan di bawah seliaan pegawai kebajikan masyarakat dan di dalam jangka masa tempoh seliaan orang papa itu akan diberi bimbingan, nasihat dan juga berbagai pekhidmatan yang diperlukan bagi memastikan segala rancangan pemulihan dapat dilaksanakan dengan licin dan berkesan.

Saya mempunyai penuh keyakinan bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan itu bukan sahaja akan membolehkan segala rancangan latihan dapat dijalankan dengan lebih teratur, bahkan juga akan memberi latihan berkesan terhadap kejayaan rancangan pemulihan ke atas orang papa itu. Butir-butir mengenai peruntukan Rang Undang-undang ini boleh didapati di dalam Huraian kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Orang-orang Papa 1977 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas.

3.45 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa masalah orang papa ialah salah satu masalah yang dialami oleh saya dalam kawasan pilihanraya saya iaitu Kuala Lumpur, maka saya suka mengambil kesempatan ini untuk membahas Rang Undang-undang (Pindaan) ini.

Saya ingin mengalu-alukan Rang Undang-undang Orang-orang Papa (Pindaan) 1985 yang telah dibentangkan ke dalam Dewan pada hari ini. Keempat-empat pindaan utama yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini ialah pindaan-pindaan yang baik dan baru dan saya sangguplah memberikan sokongan saya terhadap pindaan-pindaan ini.

Pindaan yang memberi kuasa kepada Majistret untuk memerintahkan seseorang orang papa supaya tinggal di rumah kebajikan selama satu tempoh tertentu yang tidak melebihi tempoh 3 tahun ialah satu langkah ke arah tujuan yang betul.

Adalah menjadi pandangan saya selama ini bahawa adalah tidak adil memerintahkan seseorang orang papa supaya tinggal di rumah kebajikan dengan tidak ditentukan lamanya sehingga Yang Berhormat Menteri berpuas hati yang dia boleh dilepaskan dari rumah kebajikan. Ini disebabkan kerana bukanlah satu jenayah apabila seseorang menjadi orang papa dan hanya disebabkan dia miskin, dia tidak ada punca-punca pendapatan untuk

mencari nafkah dan tidak ada tempat perlindungan dan oleh keadaan ini beliau terpaksa merayau-rayau meminta sedekah dan belas ihsan orang ramai dan kadangkala boleh menimbulkan satu gangguan kepada orang ramai. Ini pada anggapan saya keadaan ini ataupun tindakan ini tidaklah wajar untuk menyekat kebebasan mereka yang mesti tinggal di dalam rumah kebajikan untuk tempoh yang tidak ditentukan.

Adalah benar dikatakan bahawa apabila seorang orang papa disimpan atau diletakkan dalam rumah kebajikan untuk tempoh lebih dari yang diperlukan, ianya menimbulkan berbagai masalah ketakpastian dan gangguan emosi ke atas orang papa itu yang boleh memudaratkan rancangan untuk memulihkannya.

Saya berpendapat bahawa dengan meletakkan seseorang orang papa dalam rumah kebajikan tempoh tidak melebihi 3 tahun adalah satu tempoh yang mencukupi bagi dirinya untuk dipulihkan, malah jika dia masih tidak boleh dipulihkan selepas itu, hakikatnya dia boleh diperintah supaya tinggal di rumah kebajikan untuk satu tempoh lanjut tidak melebihi 3 tahun oleh Majistret atas syor pegawai kebajikan adalah lebih dari mencukupi untuk tujuan pemulihan. Rangka masa yang diberikan akan membantu Jabatan Kebajikan dalam kerja-kerja pemulihan pada anggapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan dalam Fasal 3 untuk memberi kuasa kepada Majistrate untuk memendekkan tempoh tinggal seseorang orang papa dalam Rumah Kebajikan adalah sesuai kerana saya berpandangan bahawa seseorang orang papa tidak seharusnya terus disekat dalam sesebuah Rumah Kebajikan jika didapati bahawa ia telah pulih.

Pindaan di bawah Fasal 4 yang bertujuan untuk membenarkan seorang papa yang dilepaskan dari Rumah Kebajikan hendaklah diletakkan di bawah penyeliaan Pegawai Kebajikan bagi tempoh tidak melebihi setahun adalah amat perlu bagi membolehkan dia berdikari. Seliaan lanjutan ini adalah perlu dengan tujuan untuk mempastikan bahawa tempoh tinggal tiga tahun dalam Rumah Kebajikan untuk seseorang orang papa yang menjalani orientasi dan latihan tidak akan dibazirkan begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada pindaan-pindaan yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini, pindaan kepada Akta Orang-orang Papa, saya suka mendesak Kerajaan supaya menyediakan lebih banyak peruntukan wang kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat mengambil lebih ramai kakitangan dan Pegawai Kebajikan di samping membina lebih banyak Rumah Kebajikan untuk menampung keperluan dan tanggungjawab untuk orang-orang papa ini.

Rumah Kebajikan untuk orang-orang papa di Mersing, Johor yang ada sekarang saya difahamkan dapat memuatkan lebih 400 orang dan keadaan pada masa kini adalah sangat padat dan memandangkan masalah kesesakan di tempat Rumah Kebajikan di Mersing, Johor, maka lain-lain orang papa terpaksa diletakkan di dalam Rumah-rumah Kebajikan di lain-lain tempat dan mereka terpaksa berkongsi dengan orang-orang tua di Rumah Kebajikan itu.

Saya bagaimanapun suka mencadangkan di sini bahawa Kerajaan hendaklah membina lebih banyak Rumah Kebajikan dan mengasingkan orang-orang papa daripada orang-orang tua. Dengan pengasingan ini orang-orang papa boleh diberikan rawatan pemulihan

ataupun latihan dengan lebih baik dalam Rumah-rumah Kebajikan yang dapat disediakan untuk mereka di mana kemudahan-kemudahan boleh diberikan untuk memulihkan orang-orang papa ini. Saya juga berpendapat bahawa Kerajaan hendaklah juga mengkaji kemungkinan menyediakan program-program latihan yang lebih baik yang boleh menghasilkan kemahiran kepada orang-orang papa supaya mereka boleh diambil bekerja selepas pemulihan.

Kementerian Kebajikan hendaklah juga menyelaraskan dengan berbagai-bagai jabatan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan untuk membantu menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada orang-orang papa yang telah dipulihkan dan dilatih dan saya suka juga mengambil kesempatan ini untuk menyeru sektor swasta supaya membantu orang-orang papa ini dengan memberi mereka peluang-peluang pekerjaan oleh kerana mereka mampu menyumbang kepada masyarakat selepas pemulihan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan-pandangan saya terhadap Rang Undang-undang (Pindaan) ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sepang.

3.45 ptg.

Dato' Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, mungkin satu daripada sebab pindaan ini dibawa ke Dewan yang mulia ini untuk dipertimbangkan ialah sebab bilangan orang-orang papa di negara kita ini sudah meningkat dan bilangan mereka ini sudah sampai ke tahap di mana rumah-rumah dan institusi yang ada untuk mereka ini sudah tidak mencukupi, maka terpaksa lah sebahagian daripada mereka ini dikeluarkan dan yang baru dimasukkan untuk mengambil tempat

mereka yang telah lama menjadi penghuni di tempat-tempat institusi-institusi tersebut.

Sesungguhnya, orang papa pada pendapat saya ada dua bahagian, dua jenis. Satu bahagian ialah orang papa yang sebenarnya bukan papa tetapi lebih suka mengemis daripada bekerja sungguhpun mereka mampu dan mempunyai tenaga yang cukup untuk bekerja. Kategori yang kedua, bahagian orang papa yang kedua ialah orang papa yang benar-benar papa, ia benar-benar miskin, bukan kerana ia tidak mahu bekerja, bukan dia tidak mahu berdiri di atas kakinya sendiri tetapi benar-benar dia papa dan miskin.

Saya kurang bersimpati dengan bahagian pertama tadi tetapi cukup bersimpati dengan orang-orang papa yang tergolong dalam bahagian kedua tadi iaitu orang-orang yang benar-benar papa. Malah bukan sahaja setakat simpati, malah berasa sedih bahawa di dalam negara kita yang begini kaya ada bilangan rakyat kita yang papa. Negara kita adalah negara pengeluar bahan-bahan mentah yang terbesar di dunia, pengeluar bijih timah yang terbesar di dunia, pengeluar kelapa sawit yang terbesar di dunia, pengeluar kayu kayan yang terbesar di dunia, pengeluar lada hitam yang terbesar di dunia, mempunyai minyak, gas dan berbagai-bagai lagi hasil mahsul yang dikurniakan oleh Allah subhanahu wa taala kepada negara kita ini dan kekayaan ini sudahlah begitu banyak dibahagikan kepada 14 juta sahaja rakyat. Nasib baik sungguh bilangan penduduk negara Malaysia ini tidaklah setakat 50 juta ataupun 60 juta atau 70 juta di mana berlaku di negara-negara yang lain di mana negara-negara ini sungguhpun mereka kaya tetapi oleh sebab penduduknya begitu banyak, setelah diagihkan kekayaan itu, maka berlaku juga mereka yang tidak dapat. Maka itu saya faham. Tetapi di negara

kita bukan semacam itu. Negara kita kaya dan sudah kaya, penduduknya 14 juta sahaja.

Di dalam keadaan sedemikian, pada pendapat saya tidak sepatutnya ada orang miskin, ada orang papa kedana di dalam negara kita ini. Dan kalau ada tentulah ada yang "slack". Di mana silapnya, tidak tahulah. Malah saya berasa ini merupakan satu dosa ke seluruh masyarakat kalau ada rakyat yang agak besar bilangannya yang papa di dalam negara kita ini dan saya sungguh-sungguh berharap Kementerian yang berkenaan akan dapat mengkaji dengan sehalus-halusnya untuk mengenal pasti apa sebab boleh berlaku adanya orang papa di dalam negara kita dalam suasana kita dianugerahkan oleh Allah subhanahu wa taala dengan kekayaan yang begini banyak dengan penduduk yang begini kecil.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kategori yang kedua ini juga kekuatan masyarakat di negara kita ini adalah famili, unit yang terkecil di dalam masyarakat kita. Keutuhan, ketahanan, kekuatan adalah keluarga. Kalau kuat keluarga itu maka kuatlah masyarakat itu, maka kuatlah bangsa itu, maka kuatlah negara itu. Saya berpegang teguh kepada konsep extended family apabila berbincang berkaitan dengan soal sesebuah negara dan saya berpendapat bahawa bagi sesebuah bangsa dan sebuah negara itu kekuatannya bergantung kepada kekuatan famili, bergantung kepada kekuatan bermaufakat, perasaan saling hormat menghormati dan tolong menolong yang berada di sesuatu keluarga itu.

Jadi apabila berlaku peristiwa bilangan rakyat yang papa kedana, yang miskin saya membuat suatu anggapan bahawa konsep extended family itu sudah cuai, sudah

mengeneipikan tanggungjawabnya, tidak menjaga seorang daripada keluarganya.

Saya berasa bimbang sekiranya sesuatu keluarga, sesuatu famili sudah tidak memberi pandangan kepada ahli-ahli keluarga itu sehinggakan ahlinya boleh mudarat menjadi seorang papa kedana pada pendapat saya keluarga itu sudah melakukan suatu kesalahan yang agak berat. Ini membimbangkan saya kerana sekiranya amalan kekeluargaan, amalan ahli sesuatu keluarga itu sudah tidak memberi perhatian yang seberat-beratnya kepada menolong keluarga sendiri maka ini kalau dibiarkan akan menjejaskan keutuhan dan kekuatan bangsa dan negara itu sendiri. Sedangkan kita selalu menonjolkan bahawa satu daripada aspek yang berbeza di antara amalan kekeluargaan kita dengan orang-orang lain ialah bahawa orang-orang di Asia ini, satu daripada sifat orang-orang Asia ini ialah anggota keluarga itu bermaufakat, tolong menolong di antara satu dengan yang lain, bukan semacam keluarga-keluarga di luar Asia bahawa bila mereka sudah sampai umur 21 tahun maka terputuslah hubungan, masing-masing bebas, masing-masing berjalan dengan sendirinya, kebebasan tercapai dengan meningkat umur seseorang itu 21 tahun. Malah kalau seorang itu berumahtangga, ayah dan emaknya datang ke rumahnya untuk melawat, kadang-kadang berlaku anaknya menyatakan mengapalah ayah dan emaknya tidak beritahu terlebih dahulu kerana makan kami tidak cukup, jadi makan tengah hari ini tidak bolehlah kami hendak menjemput ayah dan emak makan sama kerana makan kami cukup untuk suami isteri dan anak sahaja. Sungguhpun perkara perkara yang ganjil semacam itu berlaku di negara-negara yang lain tetapi perkara-perkara yang semacam itu belum pernah berlaku di negara kita dan saya berdoa tidak akan berlaku di

dalam negara kita. Kerana apa perkara ini tidak berlaku, kerana amalan keluarga kita tadi, tolong menolong di antara satu dengan yang lain. Dan kita mesti memberi perhatian yang berat dan serius kepada amalan tolong menolong di dalam kekeluargaan di dalam sesuatu famili itu sebagai konsep, dengan izin, extended family.

Saya pulang balik kepada soal Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya sekarang berlaku suatu keadaan di mana keluarga-keluarga orang-orang Asia khususnya keluarga di dalam Malaysia kita, keluarganya sudah tidak peduli kepada seorang daripada ahlinya hinggakan seorang ahli ini telah menjadi papa kedana terbiar ke sana ke mari maka dua pihak yang sekali gus bersalah, satu keseluruhan anggota famili yang berkenaan kerana membiarkan seorang anggotanya tidak diberi layanan yang sepatutnya. Yang kedua sekali gus seluruh masyarakat Malaysia ini berdosa sama menanggung kesalahan kerana kita membiarkan anggota masyarakat terbiar sebegitu rupa sedangkan negara kita dengan izin Allah s.w.t. diberi dengan cukup kekayaan dan boleh mengenyepikan sedikit daripada wang kita untuk menolong mereka-mereka ini supaya mereka tidak tergolong di dalam orang-orang yang benar-benar papa dan terbiar.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong pindaan Rang Undang-undang ini tetapi menyokong dengan sedih dan pilu dengan berasa cukup terharu di dalam negara saya yang begini makmur dan kaya dan di dalam negara yang begini kecil bilangan penduduknya bahawa bilangan orang-orang papa begitu banyak sehinggakan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan terpaksa datang ke Parlimen ini untuk membuat pindaan yang tertentu kerana masalah-masalah orang-orang papa berhubung dengan bilangannya mungkin sudah

bertambah. Inilah yang memusykilkan saya. Saya sungguh-sungguh berharap waktunya akan tiba mungkin pada masa-masa yang akan datang, Yang Berhormat Menteri akan datang ke Dewan yang mulia ini memansuhkan Akta ini dengan saranan bahawa di negara kita ini sudah tidak ada orang papa yang sebenarnya papa kecuali mereka-mereka yang sikapnya mahu mengemis bukan kerana keadaan memaksa mereka mengemis tetapi sikap mereka sudah begitu rupa sehinggakan mereka lebih suka mengemis daripada bekerja. Saya akan menunggu dengan penuh harapan bahawa hari itu akan tiba di mana Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan datang ke Dewan yang mulia ini bercakap sedemikian dan mengisytiarkan mudah-mudahan insya Allah buat dalam masa yang tidak berapa lama lagi tidak ada orang papa kedana di dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batang Padang.

4.09 ptg.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Orang-orang Papa (Pindaan) 1985 yang di hadapan saya sekarang iaitu saya menyokong di atas pindaan ini dalam Seksyen 3 Akta Orang-orang Papa 1977 yang mana sejak adanya Akta 1977 kita dapati orang-orang papa iaitu peminta-peminta sedekah telah berkurangan, jarang sekali didapati di bandar-bandar, di kawasan-kawasan, di pekan-pekan kecil di mana juga kita berada dalam negara kita ini.

Syukur Alhamdulillah dengan adanya pindaan ini bertambah molek lagi keadaan membiayai ataupun melepaskan orang-orang papa iaitu peminta-peminta sedekah yang mana yang sudah-sudah itu ditahan begitu lama sebagaimana yang diterangkan

dalam Fasal 4, hinggakan mereka itu boleh datang kepada satu emosi atau satu perasaan lain bagi mereka yang ditahan begitu lama. Rang Undang-undang ini melepaskan mereka tidak boleh lama iaitu 3 tahun, dahulu hendak mengharapkan Menteri, baru boleh dilepaskan, maka Akta ini pada pendapat saya adalah sangat baik dan saya menyokong penuh, kerana kita faham bahawa sebagaimana yang dinyatakan oleh sahabat saya dari Sepang tadi ia ada dua jenis orang-orang papa, iaitu ada orang yang berada, tetapi sengaja mereka hendak mencari wang, ataupun mencari jalan hidup yang lebih lumayan dengan cara meminta sedekah atau mengemis.

Yang kedua, memang sungguh-sungguh papa, jadi bagi mereka yang berada itu dimasukkan di dalam tempat pemulihan, barulah mereka sedar bahawa ia tidak mahu buat kerja hina ini, mereka minta lepas, tetapi dengan adanya Akta ini mereka bolehlah balik ke pangkuan hidup semua di dalam keadaan di kampung atau di tempat tinggalnya balik. Tetapi bagi mereka yang kedua ini betul-betul papa dan sewajarnya ditempatkan mereka itu, diberi layanan, latihan untuk hidup di luar, diberi orientasi, pelajaran akhlak dan agama supaya mereka dapat hidup dan apabila keluar nanti dapat mencari rezeki yang halal. dapat hidup dalam kekeluargaan, balik ke pangkuan keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah nampak sebagaimana yang dinyatakan oleh sahabat saya tadi tujuan Kerajaan tidak mahu memelihara orang-orang papa ini oleh kerana ia telah banyak didapati sekarang. Saya percaya ini adalah satu langkah yang baik untuk keluar, bukannya Kerajaan tidak dapat melayan, kerana orang-orang papa ini bukan mereka sanggup dan seronok ditahan begitu lama dan mereka ditangkap dan dimasukkan di tempat ini pun ia tidak upaya, tetapi setengahnya apakan daya keluarganya

tidak mahu, mereka terpaksa juga hendak masuk, tetapi kalau mereka dapat mencari rezeki dengan berdikari tentulah mereka sanggup keluar, janganlah apabila Akta ini dikuatkuasakan pada awal 1hb Januari, 1986 maka terdapatlah pengemis-pengemis berleluasa dalam negara kita ini. Ini adalah satu perkara yang sangat kita tidak kehendaki sama sekali, bukan sahaja kita susah, tengah minum kopi dia datang dekat dengan kita, dia balik semula, kerana penyeliaan-penyeliaan itu hanyalah di atas kata-kata sahaja, Jadi pelawat-pelawat luar negeri pula menyaksikan oh! inilah tempat pengemis-pengemis, negara inilah tempat pengemis-pengemis yang banyak sekali. Jadi cerita Akta 1977 dahulu itu bagus, ditakuti pula Akta 1985 ini untuk dilaksanakan pada 1hb Januari 1986 esok, lain ceritanya. Ini hendaklah kita jaga betul-betul. Kementerian ini saya pujilah terhadap layanan berkenaan orang-orang tua dan orang-orang papa ini yang didapati sangat memuaskan.

Saya minta dijawab nanti apakah bezanya orang-orang tua itu ditempatkan dengan orang-orang papa. Takrif orang-orang tua papa ini ada dua; satu dia tua, satu lagi dia papa. Ini bagaimana hendak diletakkan. Kalau dia bukan lelaki, dia bukan perempuan, dikatakan "pondan". Inilah yang hendak saya ketahui bagaimanakah kedudukan mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu orang-orang tua itu apabila saya siasat, katanya mereka pernah bekerja di lombong, taukeh saya kaya sekarang. Rumah batu di sana-sini diterangkan, rumah batu yang disana, tempat itulah taukeh saya, saya bekerja di lombongnya, tetapi sampai hari ini dia tidak pernah lihat saya di rumah orang tua ini, sambil dia bercerita berlinanganlah air matanya bersungguh-sungguh. Inilah keadaan yang berlaku di negara kita ini, ada

orang yang memerah tenaga buruh-buruhnya dahulu tidak dilihat, tidak menengok langsung keadaan buruh-buruh yang kekayaannya diambil diperahnya tetapi tidak diberi bantuan sedikit pun, usah hendak beri bantuan, melihat pun tidak, Tuan Yang di-Pertuas. Ini orang-orang papa.

Saya sendiri menyaksikan juga bahawa ada beberapa orang-orang papa pada tahun 1960an dahulu, tetapi sekarang ada berumah batu, dia sudah beli rumah \$72,000 di Kuala Lumpur ini tahun dahulu—tahun 1960an dahulu, saya tengok dia mengemis. Saya naik bas dia datang minta sedekah, kakinya terdengkut-dengkut, rupanya kesedaran kepada pengemis inilah, orientasi inilah yang perlu kita beri kepada rakyat yang dikatakan terdiri daripada orang-orang papa. Kita perlu beri orientasi saudara berada di dalam rumah ini bukan kekal, cuma 3 tahun sahaja, kalau boleh sihat, bersih dan boleh mencari sendiri, lepaskan lebih awal lagi, lepas itu datang penyeliaan yang sungguh-sungguh, bukan penyeliaan di atas pegawai di dalam penyeliaan di atas kata-kata sahaja. Inilah yang kita kehendaki supaya orang-orang papa ini bedikari dan disekitarnya ada kekeluargaan dan hidup sebagaimana manusia biasa.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 mengenai penyeliaan pegawai-pegawai kebajikan. Penyeliaan-penyeliaan ini hendaklah dibuat sungguh-sungguh, kerana mereka akan berbalik sebagaimana kata pepatah: Anjing itu kalau tidak makan tahi, dicitum ada juga; orang-orang yang selalu mencuri apabila dilepaskan, dia balik teringat kerja lamanya. Ini adalah perlu bagi pegawai-pegawai kita daripada Kementerian Kebajikan Masyarakat bukan sahaja menjadi pegawai tetapi diorientasi balik supaya mereka dididik dengan ilmu jiwa ataupun ilmu psikologi supaya menyasiat dengan cara mendalam supaya orang-orang papa ini dapat dikesan, dapat diikuti

hingga mereka berjaya hidup seperti keadaan semula jadi, iaitu seperti orang-orang biasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya akhirnya menyokong Rang Undang-undang Akta Orang-orang Papa (Pindaan) 1985, dan mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini kerana dapat melaksanakan dan insya Allah didoakan semoga Kementerian ini berjaya agar tidak ada orang-orang papa berkeliaran di negara kita ini.

4.18 ptg.

Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong pindaan Rang Undang-undang seperti yang sedang kita bincangkan sekarang iaitu Suatu Akta untuk meminta Akta Orang-orang Papa 1977.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kalau orang-orang papa ini ditangkap dan dimasukkan ke Pusat-pusat Pemulihan ataupun Pusat-pusat Latihan di bawah jagaan Kementerian Kebajikan Masyarakat, maka penahanan mereka di dalam pusat-pusat tersebut tidak ditetapkan berapa lama mereka harus berada di dalam Pusat itu, bila mereka harus keluar dan implikasinya, kedapatan ramai penghuni-penghuni di dalam pusat-pusat tersebut yang cuba melarikan diri daripada kawasan Pusat yang bergaduh sesama sendiri hingga mengakibatkan ada di antara mereka yang cedera dan terpaksa diberikan rawatan di rumah-rumah sakit (hospital) yang sentiasa juga bergaduh di antara mereka yang tinggal di dalam Pusat-pusat itu dengan pegawai-pegawai kebajikan selaku penyelia di dalam Pusat tersebut dan di samping itu akibat daripada mereka ini tidak tahu bila masa mereka harus dibebaskan, berapa lama lagi mereka harus ditahan di dalam Pusat-pusat itu.

Banyak timbul sikap-sikap yang negatif di kalangan penghuni-penghuni pusat seperti penghuni-penghuni ini

tidak mahu hendak membuat kerja seperti yang diarahkan, seperti yang diaturkan di dalam pusat-pusat tersebut. Tidak mahu hendak mengikut arahan dan berbagai-bagai masalah serta kelakuan yang negatif yang ditimbulkan oleh penghuni-penghuni tersebut. Pendek kata mereka yang tinggal di dalam pusat-pusat pemulihan pada masa ini sentiasa berada di dalam keadaan serba salah di mana emosi mereka tidak dapat hendak mereka kawal, sehingga menimbulkan perkara-perkara yang negatif seperti yang saya sebutkan tadi.

Oleh hal yang demikian saya amat bersetuju dengan pindaan Rang Undang-undang ini di mana jika sekiranya pindaan ini diluluskan di dalam Dewan yang bermesyuarat pada kali ini maka mereka yang tinggal di dalam rumah-rumah kebajikan ini akan ditetapkan tempoh masa penahanan mereka iaitu selama tiga tahun. Jika sekiranya mereka didapati dalam tempoh masa tiga tahun itu telah pulih, kemudian jika sekiranya mereka yang tinggal di dalam pusat-pusat pemulihan itu telah pun diberikan latihan kemahiran dan mempunyai kemahiran masing-masing dan mampu untuk hidup secara berdikari maka mereka ini akan dibebaskan dengan pengawasan yang tertentu. Jika sekiranya mereka ini difikirkan masih tidak mampu untuk meneruskan penghidupan mereka secara berdikari mereka akan terus ditahan. Itulah apa yang saya faham mengikut pindaan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya istilah orang-orang papa ini begitu susah untuk dimengerti tetapi walau bagaimanapun dapatlah saya rasa kita cerapkan bahawa orang-orang papa ini ialah orang-orang tua yang miskin yang tidak dihiraukan oleh sanak saudara hingga mengakibatkan mereka mengemis ataupun orang-orang tua yang cacat anggotanya dan mereka ini mengemis ataupun orang-orang yang tidak sihat otak, maka kerjanya

merayau-merayau ke sana ke mari, makan, pakai dan tempat tidurnya tidak tentu hala, tidak ada penetapan yang tertentu dan mereka inilah yang saya anggap sebagai orang-orang papa. Golongan yang saya sebutkan itu tadi apabila kita tangkap, mereka ini akan dihantar ke pusat-pusat pemulihan. Salah satu pusat pemulihan seperti yang dinyatakan oleh Wakil daripada Kuala Lumpur Bandar tadi nampak gayanya beliau ini lebih tahu daripada saya, Pusat Latihan Desa Bina Diri di Mersing, tempat saya boleh memuatkan lebih kurang 400 orang di dalam keadaan bangunan yang sempit.

Jadi mereka ini ditangkap dimasukkan ke pusat pemulihan tersebut dan mereka ini mempunyai latar belakang yang berbeza-beza. Ada di antara mereka yang mempunyai latar belakang sebagai orang yang betul-betul dan benar-benar miskin, ada di antara mereka yang mempunyai latar belakang petani, nelayan, pekerja-pekerja Kerajaan dan sebagainya ditempatkan di satu bangunan di dalam satu bumbung, tinggal di satu bilik, makan dalam satu kawah. Maka oleh hal yang demikian sudah semestinyalah keadaan tersebut menimbulkan kesulitan dan kerumitan kepada kakitangan yang bekerja di dalam pusat-pusat pemulihan tersebut.

Pegawai-pegawai dan kakitangan yang bekerja di dalam konteks ini Desa Bina Diri Mersing sering menghadapi kesulitan untuk menjaga kebajikan, keselesaan dan keharmonian orang-orang papa yang tinggal di dalam pusat pemulihan itu. Oleh kerana latar belakang mereka yang berbeza-beza itu tadi, keadaan tekanan jiwa mereka juga yang berbeza-beza di antara satu sama lain.

Begitu juga kakitangan ini sering menghadapi kerumitan, oleh kerana latar belakang yang berbeza-beza itu tadi sering menghadapi kerumitan untuk memberi latihan-latihan

kemahiran kepada penghuni-penghuni, sering menghadapi kesulitan untuk mengerah tenaga mereka untuk bekerja memelihara lembu, kambing, menjaga ayam itek, menternak ikan, menanam sayur-sayuran dan sebagainya yang banyak diwujudkan dan dikelolakan di dalam pusat-pusat latihan tersebut.

Oleh hal yang demikian maka pada saya, saya tidak hairan jika sekiranya kedengaran suara-suara yang menyatakan bahawa kadangkala terdapat kakitangan dan pegawai-pegawai di dalam pusat latihan itu yang melakukan kekerasan, yang melakukan kekasaran dan mereka bertindak dengan secara yang paling sewenang-wenangnya dan mereka dikatakan tidak cekap di dalam menguruskan kerja-kerja di pusat latihan kemahiran itu.

Mereka saya kira, kakitangan ini adalah merupakan seorang manusia biasa juga, manusia yang mempunyai perasaan dan manusia yang kadangkala bertindak terkeluar daripada tidak dapat hendak mengawal perasaan. Oleh hal yang demikian, perkara-perkara tersebut sama ada disengaja ataupun tidak disengajakan berlaku juga di Pusat-pusat Pemulihan itu. Bukannya senang, Tuan Yang di-Pertua, untuk memberikan kebajikan, untuk menjaga keharmonian, keselesaan dan kesentosaan mereka yang tinggal di Pusat-pusat Latihan ini. Walau bagaimanapun, oleh kerana kita dengar berita-berita yang agak bercorak negatif itu maka saya mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan kepada Kerajaan supaya mereka yang bertugas di pusat-pusat ini hendaklah dari semasa ke semasa diberikan latihan-latihan kemahiran.

Saya ambil contoh di Desa Bina Diri, Mersing, di dalamnya dijalankan aktiviti-aktiviti kerja tangan, menganyam daripada tikar sampai membuat bakul, kerja tangan yang lain

kerja-kerja pertukangan kayu, membuat tempat sangkut baju dan berbagai-bagai lagi. Di samping itu dijalankan juga kerja-kerja pertanian—bercucuk tanam sayur-sayuran dan menjaga tanaman-tanaman kekal. Di samping itu dijalankan juga aktiviti memelihara ikan air tawar, dijalankan juga aktiviti memelihara lembu, memelihara kambing—itu yang saya tahu. Oleh kerana berbagai-bagai bentuk aktiviti yang dijalankan di dalam Pusat Pengemis ini maka sudah sewajarnya kakitangan di dalam pusat tersebut dari semasa ke semasa diberikan latihan kemahiran di bidang-bidang yang tertentu, di bidang-bidang yang mereka minati. Di samping itu pula, jika sekiranya Kerajaan ingin mengambil tenaga kerja yang baharu bekerja di dalam Pusat Latihan tersebut maka tenaga kerja itu hendaklah memikirkan dan menitikberatkan serta mengambil kira mereka yang mempunyai kemahiran di dalam bidang-bidang yang saya sebutkan tadi. Dengan cara yang saya yakin, saya percaya suara yang menyatakan bahawa pekerja-pekerja yang tidak cekap wujud di dalam pusat itu tidak akan timbul lagi pada masa-masa yang akan datang supaya mereka yang ditahan di Pusat Pemulihan itu tidak menunjukkan satu sikap yang negatif kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang bertugas di dalam Pusat-pusat Kemahiran tersebut.

Di samping itu perkara yang kedua yang ingin saya cadangkan ialah supaya Kerajaan memberikan peruntukan bagi mengendalikan projek-projek ataupun aktiviti yang dijalankan di dalam Pusat-pusat Orang-orang Papa ini. Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu bahawa kerja-kerja mengendalikan program dan aktiviti di Pusat-pusat Orang-orang Papa dalam konteks ini Desa Bina Diri, Mersing kerja-kerja tersebut dikendalikan oleh satu badan yang diberi nama sebagai Lembaga Pelawat. Lembaga Pelawat

inilah yang kerjanya secara sukarela, mereka inilah yang mengatur rancangan-rancangan, aktiviti yang hendak dijalankan di dalam Pusat-pusat Pemulihan ini. Pada masa-masa yang lalu mereka inilah juga, yang bekerja secara sukarela inilah juga yang bekerja mencari duit berjumpa dengan orang ramai meminta derma sana sini, sudah dapat derma diupahkan orang untuk membuat kolam ikan misalnya, untuk membuat reban ayam, membuat kandang lembu, untuk membeli peralatan kayu, rotan dan sebagainya.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Ini merupakan satu tugas sukarela yang saya kira sangat sukar dilaksanakan oleh satu badan seperti Lembaga Pelawat. Satu dua program mungkin mereka boleh buat, alhamdulillah setakat ini mereka telah dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada mereka dengan baik dan jayanya dalam konteks Desa Bina Diri, Mersing. Tetapi jika sekiranya perkara ini kita bebankan semata-mata ke atas bahu mereka, mungkin keupayaan dan kesanggupan mereka pada masa-masa akan datang akan menurun dan akan merosot dan akibat yang negatif juga terpaksa dipikul oleh Kerajaan. Oleh itu, saya mencadangkan di samping menggesa Kerajaan pada masa-masa akan datang agar memikirkan satu peruntukan, memberikan satu peruntukan kepada Lembaga Pelawat ini; peruntukan yang biasa dipanggil sebagai Geran Pelancaran.

Misal kata kalau di pusat itu ingin mewujudkan ternakan lembu, apa salahnya Kerajaan memberikan geran pelancaran memberi 50 ekor lembu misalnya. Bila lembu-lembu itu sudah dipelihara, sudah gemuk-gemuk belaka oleh mereka yang tinggal, oleh penghuni-penghuni pusat lembu tersebut dijual ada untung, keuntungan dimasukkan ke dalam

tabung pusat dan modalnya dikembangkan pembelian lembu-lembu yang lain. Begitulah juga kalau dia hendak buat kolam menternak ikan geran pelancaran untuk itu hendaklah diberikan oleh Kerajaan kepada pusat-pusat yang ingin menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut. Ini saya rasa merupakan satu insentif, merupakan satu inspirasi kepada Ahli-ahli Lembaga Pelawat untuk mereka terus memberikan perkhidmatan percuma mereka bagi bersama-sama dengan Kerajaan menjaga masalah kebajikan orang-orang papa yang tinggal di Pusat-pusat Pemulihan orang-orang papa ini.

Yang ketiganya, seperti apa yang dinyatakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat dalam ucapannya di awal tadi menyatakan bahawa pada masa ini bilang mereka yang papa di dalam bentuk ataupun kategori yang saya nyatakan semasa saya memberikan takrif perkataan papa itu sendiri tadi, bilangan mereka kian bertambah sedangkan Pusat-pusat Pemulihan yang ada sekarang seperti dinyatakan oleh Wakil dari Kuala Lumpur Bandar keadaannya sempit, bilangannya sedikit, maka Kerajaan seharusnya memikirkannya supaya menambahkan lagi bilangan Pusat-pusat Pemulihan kepada orang-orang papa ini pada masa-masa yang akan datang. Kalau diputuskan untuk mewujudkan beberapa Pusat Pemulihan bagi orang-orang papa pada masa-masa akan datang, Kerajaan harus juga memikirkan masalah tempat pusat itu hendak didirikan. Jangan main tangkap muat sahaja, ada tempat kosong 20% ataupun 10% dia punya keupayaan terus-menerus tempat itu dijadikan sebagai Pusat Rawatan dan Pusat Pemulihan. Fikirkan masalah tempat ini mengikut konteks jangka panjang. Biarlah kawasan itu sesuai, keluasannya sesuai supaya di dalam kawasan itu mereka yang dalam proses latihan pemulihan ini boleh bercucuk

tanam, boleh memelihara binatang-binatang ternakan, boleh memelihara ikan, boleh menjalankan kegiatan-kegiatan lain di dalam pusat tersebut. Ertinya satu kawasan itu biarlah luas sedikit.

Di samping itu janganlah hendaknya Kerajaan menekankan kepada mendirikan bangunan bagi pusat-pusat ini, bangunan yang cantik-cantik, bangunan yang mahal harganya, tidak payah difikirkan. Memadailah dengan bangunan yang boleh mereka yang tinggal di dalam kawasan berlindung dengan selesa daripada panas terik matahari dan daripada kesejukan hujan, bangunan yang dianggap boleh memelihara dan menjaga mengawal kesihatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, suatu perkara lagi yang ingin saya nyatakan di sini ialah mereka yang tinggal di dalam Pusat-pusat Pemulihan Orang-orang Papa ini biasanya merasa kesunyian Mereka ini sering teringat sanak-saudara yang tidak tahu entah di mana, sering teringat kampung halaman, rakan taulan dan sahabat handai. Dan jarang-jarang saya dapati sesuatu pusat itu mengendalikan program-program kebajikan tahunan mereka. Maksud saya boleh jadilah dalam masa setahun itu ada sekali ataupun dua kali diadakan keramaian kepada penghuni-penghuni Pusat. Saya kira menganjurkan pesta-pesta seperti pesta sukan di dalam Pusat ini, pesta ria, pertandingan-pertandingan sukan, pertandingan-pertandingan nyanyian, komping, nasyid dan yang seumpamanya di antara sesama penghuni, banyak memberikan bantuan ke arah mengurangkan tekanan emosi, tekanan jiwa di kalangan penghuni-penghuni Pusat itu sendiri.

Apa yang sering menjadi masalah kepada petugas-petugas di dalam pusat pemulihan ini dan apa yang sering menjadi masalah kepada ahli-ahli

lembaga pelawat hendak menganjurkan perkara-perkara yang saya sebutkan itu tadi yang boleh memberikan sedikit kebahagiaan yang boleh mengurangkan tekanan jiwa kepada penghuni-penghuni Pusat ialah masalah kewangan kerana menganjurkan sesuatu pusat sukan, menganjurkan pertandingan-pertandingan di dalam Pusat ini memerlukan perbelanjaan kewangan yang agak besar juga. Apalah salahnya demi untuk menjaga kebajikan mereka demi untuk mententeramkan jiwa mereka yang sekian lama ini tertekan, kita berikan peruntukan yang khusus kepada Pusat-pusat ini agar bukan sahaja mereka yang tinggal di dalam Pusat itu dapat mengurangkan tekanan emosi mereka malah saya kira akan memberikan sedikit keriang, keringanan tekanan tugas kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang bekerja di dalam Pusat-pusat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasalah setakat ini orang ramai khasnya masyarakat umum tidak berapa tahu sangat tentang sesebuah pusat pemulihan, tentang aktiviti yang dijalankan di dalam sesebuah pusat pemulihan, tentang masalah-masalah yang di hadapi oleh mereka yang tinggal di dalam pusat pemulihan tersebut. Mereka tahu di sesuatu tempat itu ada didirikan pusat pemulihan, pusat pemulihan itu Kerajaan punya, maka Kerajaanlah yang bertanggungjawab pada keseluruhannya untuk mengendalikan Pusat tersebut.

Saya kira sikap seumpama itu, anggapan seumpama itu adalah merupakan suatu anggapan yang salah. Oleh hal yang demikian, saya menyeru kepada masyarakat umum agar bersama-sama dengan Kerajaan untuk memberikan bantuan dan kebajikan kepada warganegara yang kurang bernasib baik ini. Bukan tugas dan tanggungjawab ini semata-mata tugas

dan tanggungjawab Kerajaan. Malah ianya merupakan tugas dan tanggungjawab kita bersama. Jika sekiranya didapati ada di antara penghuni-penghuni pusat yang sudah dapat dipulihkan, yang sudah mampu untuk bekerja sendiri, yang sudah memiliki kemahiran sendiri maka orang ramai seharusnya mengambil mereka untuk bekerja sebagai tukang kebun, tukang gali parit, tukang sapu baik secara tetap mahupun secara sambilan.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mencadangkan di sini buat akhirnya agar mereka yang bertugas di dalam pusat-pusat pemulihan seumpama ini dapat mengawal dan mengawasi dari berlakunya sebarang eksploitasi tenaga kerja di kalangan penghuni-penghuni Pusat. Perkara ini mungkin berlaku. Saya tidak pernah dengar ianya ada berlaku tetapi kemungkinan (probability) untuk berlaku perkara eksploitasi ini ada. Mereka boleh suruh penghuni A untuk bekerja di rumah B, maka penghuni itu bekerjalah di rumah B dan tuan punya rumah B, selepas mereka ini bekerja memberilah upah yang setimpal dengan kerja yang dibuat kepada penghuni itu tadi, mungkin penghuni yang mempunyai masalah mental, bila upah itu sampai kepada penghuni tersebut, penghuni itu diserahkan kepada pekerja ini tadi, jadi wang itu lesap masuk ke dalam poket. Saya tidak kata perkara ini berlaku tetapi barangkali kemungkinan itu ada.

Jadi oleh hal yang demikian, sebelum ianya berlaku dan berleluasa berlaku di dalam pusat-pusat pemulihan itu, maka adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Kerajaan untuk mengawasi perkara ini daripada berlaku dan mengawal perkara ini daripada berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sekali ingin saya memberikan tahniah kepada Kementerian yang telah

meminda Akta ini dan saya menyatakan sokongan saya terhadap Akta yang dipinda. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab dan menggulung perbahasan.

4.51 ptg.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas Akta ini dan saya ucapkan terima kasih juga atas sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Akta yang disokong oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi ialah Akta Orang-orang papa (Pindaan) 1985, diharapkan dengan pindaan-pindaan ini akan membolehkan Kementerian Kebajikan Masyarakat merancang pemulihan yang lebih berkesan kepada orang-orang papa.

Mengenai cadangan-cadangan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat umpamanya cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar untuk mengasingkan orang-orang papa dan orang-orang tua, program tertentu perlu dijalankan, sukacita saya di sini memaklumkan bahawa perkara-perkara tersebut sedang dilaksanakan oleh Kementerian saya.

Untuk mengurangkan bilangan orang-orang papa di negara kita di masa hadapan, pihak Kementerian mempunyai rancangan-rancangan tertentu untuk memperkukuhkan pertalian keluarga. Satu daripadanya ialah dengan mewujudkan jenis-jenis bantuan kewangan supaya orang-orang tua yang melarat dapat diberikan bantuan kewangan dan terus tinggal dengan keluarga mereka.

Kementerian Kebajikan Masyarakat sedang menyusun dan memperkemaskan jentera untuk membolehkan seliaan dijalankan dengan baik, teratur dan berkesan.

Dengan adanya peruntukan seksyen 16 baru ini, kerja-kerja penyeliaan akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi. Semasa seliaan dijalankan, kerja-kerja kaunseling, nasihat dijalankan untuk menentukan supaya seseorang itu dapat diserapkan semula ke dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pelawat Desa Bina Diri di Mersing disebut-sebut oleh Ahli Yang Berhormat dari tempat tersebut, Lembaga Pelawat Desa Bina Diri di Mersing dilantik di bawah bidang kuasa Menteri Kebajikan Masyarakat. Tujuan Lembaga ini adalah untuk membantu Kementerian di segi pemulihan penghuni institusi untuk:

- (1) menentukan bahawa pentadbiran berjalan licin.
- (2) menyumbangkan tenaga dan penglibatan masyarakat setempat untuk kebajikan penghuni.
- (3) mendapatkan sumber kewangan untuk projek tertentu sebagai tambahan kepada rancangan latihan yang disediakan oleh Kementerian saya.
- (4) membantu dan supaya kerja-kerja ataupun seliaan-seliaan yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat di tempat itu dengan lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada semua Ahli Yang Berhormat bahawa minggu ini adalah dikatakan "Minggu Kebajikan Negara" dan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri beberapa hari yang lepas.

Thema kita pada Minggu ini adalah "Kebajikan adalah tanggungjawab bersama". Saya sebutkan ini berdasarkan ucapan-ucapan Ahli Yang Berhormat iaitu oleh sebab atas ucapan Ahli Yang Berhormat itu juga kita mengetahui juga perkara ini adalah tanggungjawab bersama. Maka Minggu Kebajikan Negara dilancarkan untuk memberi publisiti dengan seluas-luasnya kepada masyarakat terhadap perkhidmatan yang diselenggarakan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat di peringkat daerah, di peringkat negeri dan di peringkat nasional.

Satu daripada aktiviti-aktivitinya adalah mengendalikan rumah terbuka dan seluruh institusi di bawah Kementerian saya mulai dari 14hb Oktober hingga 20hb Oktober ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekiranya hendak mengetahui dengan lebih mendalam lagi apakah aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian saya, Ahli-ahli Yang Berhormat dijemput hadir ke Stadium Negara mulai daripada hari ini sehingga 20hb untuk melihat dengan sendiri apakah aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian dan juga aktiviti-aktiviti penghuni-penghuni di seluruh negara kita ada dipamerkan di Stadium Negara pada hari ini sehingga 20hb Oktober ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan sebanyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan atas Akta yang tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
(MEMPERBADANKAN) LEMBAGA
PEMULIHAN DAN PENYATUAN
TANAH NEGARA (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.01 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Rang Undang-undang yang dinamakan Akta (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Pindaan) 1985 dibaca kali kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini adalah untuk meminda beberapa peruntukan dalam Akta (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara, Akta 22/66 yang bertujuan seperti berikut:

- (a) Menukar dan mensesuaikan nama Lembaga;
- (b) Meminda tatacara perlantikan wakil-wakil Kerajaan Negeri dalam Lembaga;
- (c) Memperluaskan kuasa dan tugas FELCRA serta untuk membolehkannya bergerak di Sabah dan Sarawak;

(d) Menubuhkan kumpulan wang rizab; dan

(e) Memberi kuasa kepada FELCRA untuk menubuhkan perbadanan-perbadanan.

Dengan keizinan Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengemukakan kepada Dewan yang mulia ini latar belakang dan asas-asas pindaan-pindaan ini dikemukakan. Cadangan untuk menukarkan nama Lembaga dari Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara kepada Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan seperti disebutkan dalam Fasal 2 Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk mensesuaikan nama Lembaga dengan panggilan pendeknya yang lebih dikenali iaitu FELCRA, dengan izin, Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority. Pertukaran nama ini tidak akan menyentuh apa-apa hak dan tanggungannya Lembaga atau mencatatkan mana-mana perjalanan Rang Undang-undang.

Sehubungan dengan pertukaran nama ini, Fasal 3 Rang Undang-undang pula adalah untuk meminda tajuk panjang Akta yang ada sekarang supaya sesuai dengan nama barunya.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5 Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda prosedur atau tatacara perlantikan 3 orang wakil Kerajaan-kerajaan Negeri yang menduduki Lembaga FELCRA. Buat masa ini pencalonan 3 negeri yang akan mempunyai wakil dalam Lembaga FELCRA dibuat oleh Majlis Tanah Negara. Negeri-negeri berkenaan ini kelak akan mengemukakan nama-nama wakilnya kepada Yang Berhormat Menteri untuk perlantikan.

Adalah dirasakan proses perlantikan ini boleh dipercepatkan lagi sekiranya wakil-wakil Kerajaan Negeri dilantik terus oleh Yang Berhormat Menteri dan tidak perlu dicalonkan melalui Majlis Tanah Negara yang biasanya

bermesyuarat sekali dalam setahun. Langkah ini juga akan dapat memastikan bahawa negeri-negeri yang mempunyai paling banyak rancangan-rancangan FELCRA atau masalah-masalah berkaitan akan tetap diwakili di dalam Lembaga FELCRA sendiri dan dengan demikian akan dapat melicinkan lagi perjalanan agensi tersebut.

Sebenarnya pertukaran kaedah ini tidak membawa kehilangan hak atau kerugian kepada Kerajaan Negeri kerana wakil-wakil mereka tetap akan ada dalam Lembaga FELCRA. Langkah ini juga adalah selaras dengan cara perlantikan ahli-ahli dalam agensi-agensi lain di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah seperti FELDA, RISDA dan Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk meluaskan pemakaian Akta 22/66 ke negeri Sabah dan Sarawak adalah untuk memberi kuasa kepada FELCRA untuk bergerak di negeri-negeri tersebut. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya FELCRA ada melaksanakan rancangan tanah keselamatan di Sarawak semenjak tahun 1978 lagi. Walaupun Akta 22/66 tidak terpakai di negeri tersebut, penglibatan FELCRA adalah atas arahan Majlis Keselamatan Negara yang mendapati masalah keselamatan di negeri tersebut pada masa itu agak berat. Di samping itu masih terdapat banyak kawasan tanah milik yang berpotensi untuk dimajukan secara penyatuan dan pemulihan dan kepakaran yang ada pada FELCRA tentu sekali dapat membantu negeri-negeri tersebut untuk memajukan tanah-tanah berkenaan.

Fasal 6 Rang Undang-undang ini adalah untuk memperluaskan fungsi FELCRA dan menjelaskan lagi peranannya dalam menyatu dan

memulihkan tanah. Untuk makluman, peruntukan-peruntukan dalam Akta yang ada sekarang ini tidak menyebut secara khusus peranan FELCRA dalam penyatuan tanah dan pindaan ini perlu kerana FELCRA melaksanakan tugas tersebut.

Selain dari itu, pindaan ini juga bertujuan untuk memberi kuasa kepada FELCRA untuk melaksana, menggalak dan menyelaras aktiviti-aktiviti yang bersangkutan dengan program pemulihan dan penyatuan tanah seperti pembangunan pertanian, perumahan, pengangkutan, kewangan, perdagangan perindustrian dan sosial. Aktiviti-aktiviti ini tidak dapat dipisahkan kerana FELCRA mendekati program pembangunannya secara menyeluruh untuk memajukan masyarakat petani yang kebanyakannya di bawah taraf kemiskinan. Usaha ini juga termasuklah memberi bantuan kepada mana-mana pihak sama ada berupa pemberian ataupun pinjaman kewangan.

Fasal 7 Rang Undang-undang ini adalah untuk memberi kuasa kepada FELCRA melaksanakan tiga perkara berikut, iaitu:

- (a) Mengikat perjanjian dengan Pihak Berkuasa Negeri di mana FELCRA akan melaksanakan projek-projeknya;
- (b) Memegang tanah yang akan disatukan atau dipulihkan; dan
- (c) Mengikat perjanjian dengan pekerja-pekerja dan peserta-peserta rancangan tanah berkenaan.

Kuasa untuk melaksanakan ketiga-tiga perkara ini adalah penting bagi FELCRA untuk menjamin hak dan kepentingan pihak-pihak yang terlibat tidak terjejas dan akan menentukan kelicinan perjalanan rancangan-rancangan pembangunan tanahnya.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 10 Rang Undang-undang ini adalah untuk FELCRA menubuhkan satu kumpulan wang rizab. Kumpulan wang rizab ini adalah perlu buat masa ini, khususnya apabila FELCRA mula memperolehi sumber pendapatan selain daripada peruntukan Kerajaan, seperti melalui aktiviti-aktiviti perniagaan, pemerosesan dan keuntungan-keuntungan dari perbadanan-perbadanan.

Sebenarnya penubuhan kumpulan wang rizab ini adalah satu amalan biasa dan semua agensi-agensi pembangunan tanah dan pembangunan wilayah di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah adalah mempunyai kumpulan wang rizab masing-masing. Pengwujudan kumpulan wang rizab ini akan dapat memudahkan lagi pengawalan perbelanjaan dan perakaunan pendapatan-pendapatan lain yang diterima.

Fasal 12 Rang Undang-undang (Pindaan) ini adalah untuk memberi kebenaran kepada FELCRA untuk menubuhkan perbadanan-perbadanan bagi menjalankan projek-projek yang difikirkan Lembaga mempunyai kewajipan. Buat masa ini FELCRA tidak dibenarkan menubuhkan perbadanan-perbadanan dan beberapa aktiviti commercial, seperti pemerosesan kelapa sawit diuruskan oleh pentadbiran FELCRA sendiri.

Dari pengalaman yang dialami oleh agensi-agensi seperti FELDA didapati bahawa setengah dari aktiviti-aktiviti ini adalah lebih efficient dilaksanakan secara pengurusan commercial. Melalui amalan pengurusan commercial, perbadanan-perbadanan boleh mendapatkan seberapa banyak keuntungan yang mampu dan keuntungan ini boleh diagihkan kepada peserta rancangan sama ada melalui dividen dan bonus, saham ataupun melalui projek-projek sosio ekonomi yang akan dibiayai dari

keuntungan perbadanan-perbadanan ini. Peserta-peserta atau koperasi-koperasi peserta juga akan berpeluang melibatkan diri dalam aktiviti commercial dengan memiliki saham dalam perbadanan-perbadanan ini dan memberi kesempatan kepada peserta-peserta supaya tidak hanya bergantung kepada hasil pendapatan kebun semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan di atas adalah penting untuk membolehkan FELCRA melaksanakan tanggungjawab dengan lebih efficient dan berkesan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, FELCRA telah diarah supaya menumpukan perhatian kepada pemulihan tanah terbiar yang sekarang ini berjumlah hampir 900,000 hektar semuanya dan FELCRA telah mengenal pasti seluas 560,000 hektar untuk dipulihkan menjelang tahun 1995. Pelaksanaan program ini bukanlah perkara mudah kerana ia memerlukan penglibatan semua pihak, termasuk Kerajaan-kerajaan Negeri dan pemilik-pemilik tanah sendiri dan FELCRA perlu dibekalkan dengan sokongan perundangan secukupnya untuk melaksanakan tugas ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Memperbadankan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Tampin.

5.12 ptg.

Tuan Omar bin Abdullah (Tampin): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini

untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan juga Pegawai-pegawai Kementerian kerana telah membentangkan Rang Undang-undang ini. Kepada saya pembentangan Rang Undang-undang ini bukan sahaja tepat pada masanya dan keperluannya, tetapi juga menggambarkan kecekapan pihak Kementerian dalam menyesuaikan mekanisme pelaksanaan kerja FELCRA dengan dasar-dasar Kerajaan, khususnya Dasar Pertanian Negara.

Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri telah menerangkan kenapa nama FELCRA, iaitu Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara diubah kepada Lembaga Penyatuan dan Pemulihan. Perkataan "Penyatuan" dimulakan dahulu untuk menyesuaikan dengan sebutan bahasa Inggeris, iaitu FELCRA dan mungkin juga dengan perubahan nama ini memberikan satu makna yang lebih kepada usaha-usaha FELCRA untuk menyatukan lot-lot pertanian yang kecil di desa-desa dalam usaha kita untuk menyusun semula ekonomi kampung atau ekonomi desa selaras dengan Dasar Pertanian Negara.

Penekanan kepada Masalah penyatuan tanah saya rasa sangat penting dalam usaha kita menjayakan Dasar Pertanian Negara, dasar yang diwujudkan oleh Kerajaan sebagai alat atau sebagai mekanisme untuk mengolah atau mempermodenkan penggunaan tanah dan seterusnya ekonomi desa yang kita warisi daripada penjajah dahulu. Untuk menjayakan pertanian-niaga sudah tentu kita perlu menyelesaikan atau menyatukan sistem pemilikan tanah di kampung-kampung, khususnya tanah-tanah pertanian dan seperti yang kita semua maklum kebanyakan lot-lot pertanian di kampung-kampung terlalu kecil dan

sudah tentu tidak ekonomik dan petani-petani tidak boleh bergantung hidup kepadanya untuk memperbaiki lagi mutu pendapatan mereka. Sama-samalah kita mendoakan significant penukaran nama ini akan dapat dirasai melalui kesungguhan FELCRA sendiri untuk menyatukan lot-lot pertanian kecil itu kepada kawasan perladangan yang bersatu dan bersepadu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sangat-sangat mengalu-alukan pindaan kepada seksyen 4 Akta yang menunjukkan perbezaan fungsi Lembaga di negeri-negeri Semenanjung Malaysia dari tugas-tugasnya di Sabah dan Sarawak. Perbezaan yang nyata sekali kepada saya ialah penekanan kepada pemulihan tanah pihak bukan Kerajaan ataupun tuannya-tuannya tanah swasta, khususnya tanah-tanah yang terbiar yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi melebihi keluasan 900,000 hektar pada masa ini. Saya merasakan inilah yang perlu diutamakan oleh FELCRA di Semenanjung ini, patut diutamakan dahulu oleh FELCRA daripada pembukaan tanah-tanah baru Kerajaan kerana pembukaan-pembukaan tanah pada masa ini dilakukan oleh berbagai-bagai agensi dan Kerajaan Negeri sendiri. Peruntukan fungsi Lembaga yang lebih merupakan pembangunan total satu-satu kawasan itu seperti yang disebut dalam seksyen 4 (3) (a) juga sangat-sangat dialukan pelaksanaannya.

Cuma saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Menteri, kalau boleh, mengenai seksyen 4 (3) (c) iaitu mengenai kuasa Lembaga atau FELCRA dalam menjalankan urusan sesuatu perkongsian atau usahasama atau perusahaan kerjasama. Saya ingin mendapat pertimbangan Yang Berhormat Menteri tidakkah lebih baik jika kerja usahasama ini prosesnya dapat dipermudahkan lagi. Mengikut peruntukan dalam Rang Undang-undang, jika Lembaga ingin

membuat perkongsian usahasama dan sebagainya perlulah mendapat kelulusan Menteri dan juga Menteri Kewangan. Jadi, tidak bolehkah kalau sekiranya dipermudahkan lagi dibuat di peringkat pegawai sahaja kerana dengan dipermudahkan proses ini sudah tentu usaha-usaha FELCRA untuk mempercepatkan usaha-usaha penyatuan tanah, pemuliharaan tanah dan kemajuan tanah di kampung-kampung dapat diperbuat dengan segera dan dapat juga kita melibatkan golongan-golongan muda dan golongan-golongan profesional dalam bidang pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan wang rezab seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi juga adalah satu langkah yang amat baik. Kalau ianya dapat disegerakan sudah tentu ianya dapat melicinkan pelaksanaan pemuliharaan tanah terbiar khususnya. Masalah pemuliharaan tanah terbiar yang luas itu menghadapi berbagai-bagai rintangan yang melewati pelaksanaan dan memerlukan banyak wang. Mungkin antara sebab-sebab yang dihadapi sekarang ini ialah masalah sistem pemilikan tanah seperti yang telah saya sebutkan tadi. Jadi, bagaimanakah FELCRA ingin menyelesaikan perkara ini sedangkan lot-lot tanah terlalu kecil dan tuannya terlalu banyak, khususnya di negeri saya sendiri di Negeri Sembilan di mana kita mengamalkan sistem adat pepateh ataupun ada tanah adat. Jadi, bagaimanakah FELCRA ingin menyelesaikan perkara ini kerana peruntukan-peruntukan dalam Akta cuma menyebut bahawa Lembaga boleh memulih dan menyatukan tanah hanya atas permintaan tuannya tanah. Masalahnya ialah dalam satu-satu kawasan misalnya jika ada keengganan daripada tuan-tuan punya tanah ataupun dalam satu lot tanah itu yang dimiliki oleh 2-3 orang ada yang enggan, manakala yang lebihnya bersetuju. Jadi,

bagaimanakah caranya pihak FELCRA dapat mengatasi masalah ini kerana sudah tentu masalah ini menyusahkan pelaksanaan dan meninggikan kos pelaksanaan, juga melewati pelaksanaan.

Saya cuma ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah apa-apa cara yang telah difikirkan oleh Lembaga untuk menyelesaikan masalah ini memandangkan tujuan dan objektif Lembaga adalah sangat murni, sangat baik kepada tuan-tuan punya tanah dan ekonomi negara amnya. Jadi, bolehlah dipaksakan tuan-tuan tanah yang telah diberikan tanah oleh Kerajaan tetapi gagal memajukan tanah itu supaya menyertai projek yang dijalankan oleh pihak FELCRA. Barangkali sebab yang kedua ialah ramai daripada tuan-tuan punya tanah kita di kampung-kampung tidak lagi memahami sistem penyatuan dan pemuliharaan tanah yang dilaksanakan sekarang ini oleh pihak FELCRA, bagaimanakah mereka boleh mendapat keuntungan atau apakah jaminan yang mereka masih lagi mempunyai hak dan mempunyai keyakinan bahawa mereka boleh bergantung hidup daripada pendapatan tanah yang akan diserahkan kepada pihak FELCRA untuk dimajukan. Mungkin juga ada rancangan pihak FELCRA sekarang ini untuk memulihkan sawah padi atau bendang yang tidak dikerjakan, yang tidak diusahakan dengan cadangan untuk menggantikan penanaman padi dengan lain-lain tanaman.

Masalah yang dihadapi ialah kerja menanam padi ini bukan sahaja merupakan satu kegiatan ekonomi bagi petani-petani Melayu khususnya tetapi juga merupakan satu tradisi yang telah diwarisi turun-temurun. Jadi, kalau kita cuba menggalakkan mereka menggantikan tanaman padi ini dengan tanaman yang lain sudah tentu mereka kurang yakin. Jadi, sudah tentu kita perlu membelanjakan banyak wang untuk program-program penerangan

yang bukan sahaja berterusan tetapi juga perlu berkesan untuk menyakinkan mereka bahawa pulangan daripada tanaman koko misalnya lebih baik daripada pulangan menanam padi. Saya berharap wang rizab yang akan diwujudkan nanti dapat digunakan untuk maksud pulangan ataupun untuk maksud berkempen untuk mendapatkan penyertaan menyeluruh daripada petani-petani kita di kampung-kampung.

Sementara itu ada juga cadangan yang dibuat oleh FELCRA pada ketika ini untuk mewujudkan sistem saham bagi projek-projek tanah yang disatukan yang akan dipulihkan. Di sini juga kita menghadapi masalah keyakinan sama ada saham yang diberikan oleh FELCRA itu mereka boleh bergantung hidup atau pulangnya cukup untuk menarai hidup mereka hari demi hari. Di dalam hal ini juga perlu juga penerangan yang lebih gigih daripada pihak FELCRA.

Tuan Yang di-Pertua, tuan-tuan punya tanah di kampung-kampung kebanyakannya telah lanjut usianya, telah berumur, telah tua dan sudah pasti tenaga mereka untuk menjadi petani yang baik, yang moden adalah sangat berkurangan. Mungkin juga ramai daripada mereka ini tidak bergantung hidup kepada usaha-usaha pertanian tetapi mendapat sumber-sumber yang lain, umpamanya mendapat sumbangan daripada anak-anak yang telah bekerja dan sebagainya. Jadi, penglibatan tenaga kerja mereka sudah tentu tidak mungkin dapat diharapkan oleh pihak FELCRA sendiri. Jadi, soalnya ialah bagaimanakah FELCRA boleh melibatkan tenaga muda di kampung-kampung untuk terlibat sama dalam program-program FELCRA. Adakah Lembaga bercadang untuk menggalakkan golongan muda ini untuk bersama-sama melibatkan diri

dalam usaha menyatukan, memulihkan dan memajukan tanah bukan sahaja sebagai peneroka atau sebagai peserta tetapi juga kalau boleh sebagai usahawan ataupun sebagai rakan usaha sama dalam usaha kita untuk mewujudkan sistem pertanian komersial ataupun sistem pertanian niaga di kawasan-kawasan luar bandar.

Nampaknya peruntukan dalam seksyen 6, 7, 10, 11 dan 12 memberi kebebasan kepada FELCRA berbuat demikian. Soalnya adakah Lembaga mempunyai skim, mempunyai satu-satu perancangan istimewa buat ketika ini untuk membantu petani muda itu dan usaha-usaha atau skim untuk menarik orang-orang muda untuk melibatkan diri dalam bidang pertanian atau dengan lain perkataan untuk menjadikan bidang pertanian sebagai satu bidang yang sama glamournya, dengan izin, dengan kerja-kerja yang lain, khususnya di bidang industri di kawasan-kawasan bandar. Jadi, adalah diharapkan kumpulan wang rizab ini akan dapat digunakan di dalam projek-projek Lembaga seperti yang saya sebutkan tadi untuk menarik perhatian golongan-golongan muda. Tumpuan utama ialah penglibatan pihak FELCRA sendiri bersama agensi-agensi Kerajaan yang lain khususnya daripada Kementerian Pertanian untuk meyakinkan golongan muda bahawa pertanian moden boleh mendatangkan sumber rezeki dan mereka boleh bergantung hidup. Mereka tidak perlu lagi berlumba-lumba berhijrah ke bandar-bandar bekerja sebagai pekerja kilang dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 7 dan 7A mengenai kumpulan wang rizab ini adalah sangat-sangat dialu-alukan. Adalah amat perlu penggunaan wang rizab ini dikawal dengan lebih teliti supaya ianya seharusnya digunakan untuk projek-projek yang tidak lari daripada tanggungjawab akan objektif

penubuhan FELCRA itu sendiri. Kita tidak mahu wang rizab ini digunakan untuk projek-projek yang tidak ada kaitan langsung dengan objektif Lembaga atau FELCRA. Saya menyebutkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana pada masa-masa yang lalu terdapat perbadanan-perbadanan atau agensi-agensi Kerajaan termasuk agensi yang di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sendiri yang melibatkan diri mereka dalam bidang niaga dan tidak ada kena-mengena dengan objektif penubuhannya. Yang demikian pengawal Menteri seperti yang disebut dalam seksyen 7A perkara 2 adalah sangat perlu. Ini diperkuatkan lagi oleh seksyen 12, perkara 4 yang mengawal kuasa-kuasa Lembaga FELCRA itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua sekian sahaja pandangan-pandangan saya untuk menyokong Rang Undang-undang ini dan sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Mukah.

5.28 ptg.

Dr Leo Michael Toyad (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama bangun untuk memberi sokongan kepada Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara 1966 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Di sini juga saya ingin mengucap tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana dapat membentangkan satu Akta untuk meluaskan kegiatan satu badan yang saya anggap telah lama berusaha untuk membangunkan tanah di Semenanjung.

Saya ingin menyentuh sedikit di sini ialah satu langkah yang perlu di sini dengan pindaan untuk meluaskan

kegiatan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan ini di Sabah di Sarawak. Ini adalah satu langkah yang sesuai dan tepat pada masanya kerana Sarawak adalah sebuah negeri yang masih ada banyak tanah yang belum dibangunkan dan dengan adanya satu badan yang dapat bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan badan-badan yang berkenaan dengan penyatuan dan pemulihan tanah di negeri tersebut dapatlah kita menekankan lagi konsep yang kita dapat untuk membangunkan negeri dan negara Malaysia amnya dari segi menggunakan konsep bahawa kita membangunkan kawasan-kawasan tanah dan wilayah itu seperti membangunkan untuk mendapat hasil dari tanah dan bukan hanya menekankan atas pemilikan tanah. Jadi, konsep penyatuan tanah dan membangunkan tanah kawasan-kawasan pertanian atau di luar-luar bandar itu sangatlah penting kerana banyaknya golongan-golongan rakyat, lebih dari 70% penduduk-penduduk khasnya di kawasan Sarawak adalah di luar bandar dan datangnya dari golongan petani dan peladang. Saya melaung-laungkan konsep ini bahawa satu kerjasama yang lebih erat lagi di antara badan-badan yang berkenaan supaya pembangunan di luar bandar itu dapat dikesankan lagi dan dicepatkan lagi.

Dalam pembangunan kawasan luar bandar itu, membuka tanah, ada juga kita menghadapi masalah bahawa ada golongan-golongan orang yang memikirkan bahawa kita ini mengubah alam sekeliling dan juga, dengan izin, upset the ecological system. Di sini saya ingin menyentuh serba sedikit bahawa pembangunan di luar bandar itu adalah pembukaan tanah dan juga ecological system yang telah lama di mana penduduk-penduduk di luar bandar telah hidup beratus-ratus tahun. Tetapi kalau kita menimbangkan secara relative dengan pembangunan yang kita ada di bandar

dan di mana-mana tempat yang kita tarafkan sebagai maju, kawasan-kawasan ini adalah mundur. Saya harap golongan-golongan orang yang masih mempertahankan atau menjagakan alam sekitar di mana kita ingin membukakan tanah dan membangun untuk keuntungan rakyat luar bandar itu, saya harap mereka dapat memikir sekali lagi bahawa pembangunan rakyat dan pembangunan di luar bandar itu bukan hanya bergantung di atas facts and figures and scientific rationality kerana banyaknya fakta-fakta yang kita mengusahakan itu untuk membangunkan sesuatu kawasan secara membangun tanah dan meluaskan tanah untuk peladang atau mencari hasil dari bumi itu adalah tergantung kepada fakta-fakta yang kita tidak dapat sukutkan dari segi scientific data.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyentuh serba sedikit di sini bahawa pembangunan kawasan memanglah ada perubahan kepada alam sekeliling. Tetapi ini adalah hanya untuk menghidupkan dan membaiki penduduk-penduduk di kawasan itu. Saya fikirkan kalau kita membiarkan kawasan itu tidak membangun, itu adalah satu sikap dan perbuatan yang lebih kejam dari mengubah alam sekeliling.

Tuan Yang di-Pertua, konsep penyatuan tanah dan membangun secara besar-besaran ini di bawah badan FELCRA dan badan yang ada di peringkat negeri seperti LCDA (Land Consolidation and Development Authority). Konsep ini dapat melicinkan dan dapat melaksanakan pembangunan tanah dengan lebih cepat dengan kurangnya technicalities. Kalau kita bandingkan pada masa-masa yang lalu, pembangunan-pembangunan tanah ataupun hasil tanah khasnya di kawasan yang telah ada lot-lot yang telah dibahagikan, masalah yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat teman saya dari

Tampin, di mana kita ada banyak tuan-tuan tanah yang terlibat dan juga untuk melicinkan pelaksanaan itu pun juga dilambatkan. Tetapi kalau konsep membuka tanah yang belum ada lot-lot dan belum ada tuan yang punya, tetapi diusahakan oleh satu badan yang besar dan satu badan yang teratur dan juga dalam pindaan ini yang menggunakan reserve fund yang tersendiri dan juga dengan cara yang disenaraikan dalam pindaan ini, kita dapat mempercepatkan dan mengurangkan technicalities secara, kalau kita ada tanah yang besar, masa adalah digunakan untuk menyukar dan memproses dan masa yang dimakan untuk membuat kerja-kerja membangunkan, kalau saya tidak salah akan memakan masa sekurang-kurangnya lima atau enam tahun. Tetapi sekiranya kita ingin membangunkan secara sistematik dan berhasil, saya di sini ingin menyatakan ini adalah satu cara yang dapat memberi hasil yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada Kementerian kerana membentangkan Rang Undang-undang ini dan saya harap langkah ini akan dapat lebih lagi kita berusaha sama membangunkan sumber asli kita bersama dan langkah ini juga akan menambahkan secara kegiatan kita disatukan integrasi nasional. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kapit.

5.37 ptg.

Datuk Leonard Linggi Anak Jugah (Kapit): Tuan Yang di-Pertua, saya juga berdiri menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara 1966. Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk membolehkan Lembaga ini bergerak di negeri

Sarawak dan Sabah. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan kerana mengambil satu langkah konkrit bagi memperluaskan projek pembangunan tanah kepada satu kawasan di mana projek-projek seperti ini sangat diperlukan. Harta yang terbesar bagi Sarawak ialah tanah dan terdapat 48 ribu batu persegi tanah di Sarawak. Seperti juga lain-lain harta jika ia tidak dimajukan, ia tidak akan mendatangkan pulangan ekonomi kepada negara dan kepada negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, langkah yang diambil oleh Kerajaan memperluaskan aktiviti FELCRA ke Sarawak akan memberi manfaat yang berpanjangan bagi membangunkan tanah Sarawak bagi faedah atau keuntungan negara keseluruhannya. Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab untuk menjalankan pembangunan tanah sebagai satu cara untuk memajukan negeri itu. Tetapi terdapat beberapa halangan. Pertama negeri itu tidak mempunyai wang yang mencukupi, yang kedua tidak mempunyai kemahiran tenaga kerja yang perlu bagi menguruskan pembangunan itu. Kerajaan Persekutuan di sebaliknya pula mempunyai pengalaman yang wajar dan sumber-sumber kewangan yang besar untuk menjalani projek pembangunan tanah.

Pembangunan tanah tidak diragukan lagi akan menjadi satu proses berkesan untuk membasmi kemiskinan di Sarawak. Penduduk-penduduk luar bandar di Sarawak terutamanya terdiri daripada bumiputera keturunan Dayak dan orang Hulu masih tinggal jauh ke bawah taraf kemiskinan. Salah satu sebab ialah mereka tinggal bertaburan dalam kawasan yang luas dalam bilangan yang kecil.

Kebanyakan daripada mereka masih bergantung kepada sistem pertanian yang dikenali sebagai pertanian pindah ataupun, dengan izin, "shifting cultivation". Sistem seperti ini telah

dikritik sebagai amalan yang merugikan oleh semua orang termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Mereka masih mengamalkan pertanian pindah kerana tidak ada pilihan. Mereka tidak mempunyai sumber, tidak mempunyai pengalaman dan tidak ada kemahiran untuk menjalankan cara pertanian moden dan yang demikian mereka masih kekal dalam tahap kemiskinan sampai ke hari ini.

Saya harap Rang Undang-undang yang dipinda ini bukan sahaja memberi sinar harapan kepada rakyat di Sarawak tetapi akan diwujudkan dan dilaksanakan dengan secepat mungkin. Dalam lain perkataan dengan Rang Undang-undang yang dipinda ini Kerajaan Persekutuan melalui FELCRA akan segera membuka projek-projek pembangunan tanah di Sarawak terutamanya di dalam kawasan yang diduduki oleh Dayak dan orang Hulu, suatu kaum atau bangsa di mana kemiskinan masih menyelubungi hidup mereka. Taraf hidup mereka tidak berubah banyak dalam 20 tahun yang lalu. Untuk berkesan lagi FELCRA mestilah mempunyai wang yang sewajarnya. Saya merayu kepada Kerajaan supaya lebih bermurah hati dalam memperuntukkan wang bagi pembangunan tanah di Sarawak.

Wang yang dibelanjakan bagi membasmi kemiskinan bukan sahaja satu pelaburan, ataupun investment, sosio-ekonomi yang kukuh tetapi akan juga memberi manfaat yang berpanjangan ke arah memajukan integrasi negara.

Tuan Yang di-Pertua, apabila sebuah agensi Persekutuan membuat keputusan untuk meluaskan aktiviti ke negeri-negeri, selalu timbul masalah pentadbiran. Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan dapat menghubungi Kerajaan-kerajaan Negeri bagi menyelesaikan masalah-masalah birokrasi supaya

projek-projek tidak akan tergendala kerana kegagalan kakitangan awam bagi menyelesaikan masalah pentadbiran itu. Tuan Yang di-Pertua, kelewatan adalah merbahaya kepada negara dan rakyat.

Dengan demikian, saya pun menyokong Rang Undang-undang ini.

* **Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Padang Rengas.

5.44 *ptg.*

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas keizinan yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Akta untuk meminda Akta (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara 1966.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah di atas kejayaan untuk mengemukakan suatu pindaan atau untuk melahirkan satu Akta sebagaimana yang disebutkan tadi.

Saya nampak sebenarnya Akta ini sebagaimana yang telah diterangkan oleh pihak Yang Berhormat Menteri, tujuan-tujuan Akta ini diwujudkan maka sudah pasti bukan sahaja akan disokong oleh Ahli-ahli di dalam Dewan yang mulia ini tetapi akan dialu-alukan oleh seluruh rakyat terutama sekali penduduk-penduduk yang berada di kawasan luar bandar yang sangat memerlukan pimpinan dan tunjuk ajar ke arah usaha mempertingkatkan mutu hidup mereka.

Undang-undang ini atau Akta ini memanglah kena pada tempat dan ketikanya di dalam keadaan dunia dan

negara kita sedang dilanda oleh kemelesetan ekonomi. Kita sedar bahawa punca kemiskinan rakyat di kawasan luar bandar ialah kerana mereka, khususnya petani-petani, bekerja dan berusaha di atas kawasan tanah yang kecil saiznya dan menggunakan teknologi lama serta tidak begitu cekap di dalam masalah pemasaran hasil-hasil pertanian mereka.

Maka dengan adanya Akta ini di mana kita mengetahui bahawa sejak 1966 lagi, FELCRA ini telah wujud di dalam negara kita dengan tujuan untuk membantu mengatasi masalah yang dideritai oleh rakyat sepertimana yang saya sebutkan tadi. Kita nampak di waktu yang akhir-akhir ini setelah rakyat menyedari hakikat tujuan yang murni daripada FELCRA ini mereka telah mula berminat untuk mendampingi FELCRA supaya dapat bersama-sama bagi memajukan dan menyatukan tanah-tanah mereka supaya dapat mengurangkan kos pembangunan di samping mendapat pulangan yang tinggi.

Akan tetapi saya rasa usaha-usaha ke arah memberikan penerangan kepada orang ramai dan tujuan-tujuan murni FELCRA ini mestilah dipertingkatkan kerana ini ada hubung kaitnya dengan Akta yang sedang kita bincangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Akta ini iaitu (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara ini maka sudah pasti kita akan dapat mempertingkat lagi prestasi FELCRA di dalam amanah yang diberikan oleh rakyat dan Kerajaan supaya dapat terus berusaha ke arah memerangi kemiskinan atau dengan lain-lain perkataan, mempertingkatkan mutu hidup penduduk-penduduk di kawasan luar bandar.

Di dalam Fasal 6, muka surat 3, Seksyen 4 adalah dipinda seperti berikut:

“4. (1) (a) mana-mana tanah Kerajaan (termasuk tanah-tanah di dalam kawasan penempatan beramai-ramai) sama ada atas kehendaknya sendiri dan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan atau atas permintaan Pihak Berkuasa Negeri itu; dan

“4. (1) (b) mana-mana tanah selain daripada yang dinyatakan dalam perenggan (a), atas permintaan tuan punya tanah itu dan mengikut terma dan syarat-syarat sebagaimana yang dipersetujui di antara tuan punya dan Lembaga.”

Saya rasa Akta ini memanglah wajar kerana sekiranya tidak mendapat persetujuan daripada tuan-tuan tanah ini maka sudah pastilah kita tidak mendapat penyertaan yang aktif di dalam usaha memajukan tanah ini. Kejayaan sesuatu projek, rancangan, yang dijalankan oleh Lembaga ini bukan hanya bergantung semata-mata kepada minat, kepada kepakaran, kepada keupayaan pihak FELCRA tetapi juga adalah bergantung besar kepada minat dan penyertaan tuan-tuan punya tanah itu sendiri. Itulah sebabnya saya katakan usaha ke arah membingkatkan penerangan ini perlulah diperluaskan, kerana di dalam projek-projek yang sedang dan mungkin akan dilaksanakan oleh pihak FELCRA ini akan menghadapi masalah, umpamanya katalah di satu

kawasan tanah seluas 200 atau 300 ekar dengan mempunyai tuan-tuan tanah seramai 20 atau 30 orang.

Sekiranya ada di antara pihak tuan-tuan tanah itu tidak mahu atau enggan menyertai rancangan pemulihan dan memajukan tanah itu, maka sudah pasti akan menimbulkan masalah kepada pihak Lembaga sendiri. Oleh yang demikian saya berharap di dalam menghadapi masalah ini tidaklah boleh semata-mata diserahkan kepada pihak FELCRA, tetapi juga kita berharap kepada pemimpin-pemimpin tempatan dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri akan dapat membantu memberikan penerangan yang sejelas-jelasnya tentang betapa baik dan manfaat yang akan diperolehi kepada setiap peserta-peserta tanah itu. Kerana kita ketahui dengan mengusahakan kawasan tanah yang disatukan di dalam satu projek yang besar, bukan sahaja akan dapat mengurangkan kos pembangunannya, tetapi juga akan dapat kita merancang lebih berkesan dari segi pemasaran dan sebagainya. Oleh yang demikian sekali lagi saya berharap usaha memberikan penerangan ini patut juga dipertanggungjawabkan kepada lain-lain Kementerian seperti Kementerian Penerangan, yang mana sentiasa menjelajah ke kawasan-kawasan kampung atau luar bandar. Jadi dengan kerjasama daripada pihak Kementerian ini, seumpama pihak FELCRA menyediakan beberapa pamphlet-pamphlet ataupun buku-buku kecil supaya dapat diselesaikan oleh pihak unit-unit penerangan yang sentiasa bekerja di tiap-tiap daerah dan sebagainya.

Saya rasa tidaklah menjadi keberatan pihak Kementerian Penerangan ini, ataupun kakitangan-kakitangan mereka untuk membantu pihak FELCRA hanya dengan cara menolong menyebarkan risalah-risalah kecil ini, supaya rakyat akan lebih mengerti tentang faedah yang mereka perolehi. Di dalam pamphlet itu patutlah juga dimasukkan cerita-cerita

kejayaan ataupun pendapat-pendapat mereka yang telah berjaya setelah mereka menyertai projek-projek FELCRA dengan dimasukkan gambar-gambar yang boleh menimbulkan minat atau merupakan satu daya penarik kepada mereka yang belum menyertainya.

Saya rasa dengan kempen besar-besaran ini, dan juga saya berharap kepada pihak lain-lain media seperti suratkhbar-suratkhbar akan dapat membantu Lembaga ini dengan menyebarkan berita-berita yang baik, yang memberikan keuntungan kepada peserta-peserta yang sudah menyertai rancangan-rancangan ini, kerana usaha-usaha ini adalah bertujuan untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru kita dengan pengembelian tenaga secara sukarela daripada pihak akhbar-akhbar dan juga pemimpin-pemimpin tempatan dan juga Kerajaan Negeri dan semua Kementerian-kementerian yang ada hubungkait dengan kehidupan rakyat.

Saya percaya dengan kegigihan dan semangat yang ada sendiri kepada FELCRA ini, maka usaha kita ke arah mempertingkatkan produktiviti negara, untuk mempertingkatkan mutu hidup rakyat insya Allah kita akan tercapai.

Perkara yang menarik perhatian saya satu lagi ialah dengan cadangan di dalam Akta ini supaya Lembaga ini mengadakan reserve yang khas, ini adalah sangat penting sebagaimana yang disarankan atau yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi kerana selain daripada bantuan-bantuan yang diperolehi daripada Kerajaan pihak Lembaga juga mendapat sumber-sumber lain hasil dari kegiatan-kegiatan yang dijalankan dari semasa ke semasa. Dengan adanya tabung ini akan membolehkan pihak Lembaga ini merancang kegiatan-kegiatan yang ada hubungkaitnya dengan projek-projek pembangunan

yang dijalankan oleh pihak Lembaga ini. Seumpama jika di satu kawasan itu sudah dibangunkan satu kawasan yang luas 400-500 ekar atau beribu-ribu ekar kita tidak hanya hendak melihat, kita berjaya membangunkan tanah-tanah yang terbiar atau tanah-tanah yang tidak berekonomik itu kepada satu keadaan yang berekonomik, yang boleh memberi faedah, tetapi serentak dengan itu kita juga seharusnya berusaha ke arah mengubah atau mencantikkan keadaan persekitaran pembangunan itu, seumpama mengadakan peruntukan wang bagi membangun rumah-rumah sama ada kos rendah, kos sederhana kepada peserta-peserta itu sendiri dengan kaedah seperti yang dibuat oleh FELCRA sekarang ini memotong hasil daripada pendapatan mereka.

Dari sini kita akan dapat nampak tentang mutu hidup penduduk-penduduk di satu kawasan itu, kalau dahulu mereka tinggal dalam gobok-gobok yang buruk, rumah-rumah yang tidak teratur, tetapi dengan bimbingan FELCRA ini, mereka akan dapat diaturkan satu perkampungan yang teratur dan tersusun dengan keadaan rumah yang cantik dan indah.

Ini merupakan satu perubahan kepada persekitaran yang ada di situ, dan mungkin juga pihak-pihak yang ada di perkampungan itu boeh mengadakan syarikat pula, umpamanya mengadakan kedai-kedai runcit dan sebagainya untuk keperluan mereka sendiri, dan selain daripada itu mungkin juga kilang-kilang kecil, kelapa sawit, memproses getah dan sebagainya boleh dibangunkan di kawasan-kawasan itu.

Jadi dengan yang demikian, saya rasa inilah sebenarnya matlamat Dasar Ekonomi Baru kita iaitu untuk memperbandarkan keadaan-keadaan kampung yang dahulunya terbiar dengan tanah-tanah yang tidak diusahakan, tetapi dengan kejayaan ini, dengan adanya peruntukan yang khas

ini akan dapat membolehkan pihak Lembaga ini merancang satu pembangunan yang menarik dan memberi faedah dan manfaat, bukan sahaja penduduk-penduduk di situ akan dapat menikmati hasil daripada usaha pembangunan tanah-tanah mereka yang sudah dimajukan secara berkumpulan, diuruskan ala estet umpamanya, tetapi juga mereka dari semasa ke semasa akan dapat tinggal dalam bangunan-bangunan rumah yang selesa dan juga dapat menikmati lain-lain kemudahan-kemudahan yang ada dapat dilaksanakan oleh pihak mereka dan juga bersama-sama dengan Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah pandangan saya dan saya berharap sebagaimana seruan saya tadi akan mendapat sokongan dan sambutan daripada masyarakat bukan sahaja di dalam Dewan ini, tetapi juga di luar Dewan ini, insya Allah hasrat kita untuk membentuk sebuah negara yang makmur dan rakyat yang hidup dalam keadaan sejahtera akan dapat tercapai. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batang Lupar.

6.10 ptg.

Datuk Edwin Anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara 1966.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kemerosotan ekonomi di pasaran dunia pada hari ini, pada pendapat saya Kerajaan kita perlulah mengkaji Rang Undang-undang dari semasa ke semasa, sekiranya Undang-undang itu akan dapat memberi hasil kepada rakyat dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa Malaysia sebuah negara yang dianggapkan kaya, apa yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat tadi kekayaan kita pada hari ini iaitu hasil dari minyak, gas, kayu-kayan, bijih timah dan kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya negeri Sarawak sebuah negeri dalam Malaysia yang masih ketinggalan di bidang pembangunan tanah. Tanah di negeri Sarawak didapati luas dan subur tetapi tanah yang subur itu masih terbiar. Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri baru-tadi menyatakan bahawa masih banyak tanah khasnya di negeri Sarawak didapati tidak dimajukan dan dengan kelulusan Rang Undang-undang ini saya fikir kaum petani di negeri Sarawak berharap bahawa tanah-tanah yang masih terbiar itu dapat dibangunkan dengan tanaman secara besar-besaran.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menukar nama Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara kepada Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan supaya Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan bergerak ke negeri Sarawak dan Sabah. Jadi, pihak SECRA akan dapat memajukan tanah mengikut perjanjian dengan tuanpunya tanah, dan kaum petani di luar bandar khasnya di negeri Sarawak bahawa SECRA mungkin dapat membangunkan tanah dengan jentera-jentera yang moden supaya dapat menambahkan hasil Kerajaan kita. Dalam beberapa tahun kebelakangan saya telah juga banyak menyentuh berkenaan dengan pembangunan tanah kerana kaum petani di negeri Sarawak khasnya petani di luar bandar tidak diberi cukup latihan dan juga tidak diberi cukup bantuan dengan jentera-jentera moden. Ini kita semua sedia maklum oleh kerana pada masa

dahulu Rang Undang-undang tidak memberi kuasa penuh kepada Lembaga maka hari ini kita meluluskan Rang Undang-undang supaya Lembaga Kemajuan Tanah akan dapat mengembang dan memajukan tanah di negeri Sarawak supaya hasil negara kita dapat bertambah kukuh dari semasa ke semasa.

Kita tidak boleh berharap kepada petani-petani sahaja, walaupun macam sekarang latihan tidak mencukupi diberi kepada mereka dan hasil mereka dari setahun ke setahun telah bertambah kurang dan sekiranya SECRA dapat memajukan tanah selepas Undang-undang ini diluluskan, kaum petani di negeri Sarawak berharap bahawa tanah itu dapat dimajukan dengan tanaman secara besar-besaran, seperti kalaulah dapat kita menanam lada hitam dengan cara besar-besaran, getah, koko, tebu dan buah-buahan di negeri Sarawak.

Benda ini memang didapati sangat sukar baik tumbuhnya di negeri Sarawak kerana saya dapati masa beberapa tahun yang lalu banyak kaum petani-petani di luar bandar khasnya kaum Iban menanam lada hitam. Tetapi oleh kerana harga baja (fertiliser) di negeri Sarawak bertambah naik, maka pihak pertanian tidak mampu menanam lada hitam lagi. Oleh sebab itu lada hitam di pasaran dunia pada hari ini bertambah kurang dan harganya pada hari ini bertambah naik.

Inilah kita dapat mempelajari dari tanah di negeri Sarawak kalau dapat SECRA menumbuhkan tanaman lada hitam secara besar-besaran ataupun koko dengan secara besar-besaran ataupun tebu kerana tanah di negeri Sarawak didapati sangat luas dan subur. Ini akan dapat menambahkan hasil negara kita dan kepada rakyat juga kita dapat meningkatkan taraf hidup rakyat khasnya kaum petani di negeri Sarawak. Saya fikir ekonomi negara kita akan dapat dipulih pada masa akan datang kalau kita dapat

menanam tanam-tanaman yang saya sebutkan tadi dengan cara besar-besaran di masa yang akan datang.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab akan dapat mengambil berat atas pembangunan tanah di negeri Sarawak. Perlu juga memberi peruntukan wang yang berlipat ganda untuk membangunkan tanah di negeri Sarawak dan saya berharap selepas Rang Undang-undang ini diluluskan, Kerajaan kita atau Menteri yang bertanggungjawab akan dapat berunding dengan Menteri Kewangan supaya peruntukan ini akan dapat ditambah berlipat ganda dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bagan Datok.

6.08 ptg.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok): Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun bagi menyokong pindaan Rang Undang-undang yang baru dibentangkan oleh Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sebentar tadi dan saya tidak ingin hendak berucap dengan panjang tetapi ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan kakitangan Kementerian ini kerana memang Rang Undang-undang ini ditunggu-tunggu oleh terutamanya pemilik-pemilik tanah yang sudah begitu lama terbiar di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi pihak Kementerian ataupun pihak FELCRA ini telah mengenalpasti lebih daripada 900,000 hektar tanah terbiar di dalam negara ini dan telah dikenalpasti untuk dimajukan lebih daripada 5,600 hektar.

Tuan Yang di-Pertua, masalahnya apa yang menjadi dan yang menyebabkan tanah-tanah itu terbiar, yang pertamanya adalah disebabkan oleh tuannya-tuannya tanah itu dari segi keluasan tanah yang dimiliki tidak mencukupi untuk dimajukan. Yang kedua ialah kerana kekurangan modal di atas tuannya-tuannya tanah. Dan yang ketiga pada pendapat saya ialah sewaktu sama ada Kerajaan Negeri ataupun di mana sahaja mereka itu mendapat tanah masalah keperluan asas di atas pembangunan tanah yang mereka miliki itu tidak ada seperti yang penting sekali ialah perparitan dan pengairan yang tidak sempurna untuk memajukan satu-satu tanah. Yang keempat ialah mengenai tanaman yang dicadangkan itu tidak sesuai kepada tanah yang dimiliki oleh mereka itu dan yang kelima ialah mengenai pemasaran atas pengeluaran tanah yang diusahakan itu tidak menjamin kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada Menteri ataupun Kementerian ini satu perkara yang saya nampak ketara sekali ialah mengenai kelewatan ataupun kelambatan apabila sesuatu kawasan tanah telah dikenalpasti ataupun diambil alih oleh FELCRA untuk dimajukan. Ini berlaku di dalam kawasan saya sendiri. Ada di antaranya sampai menunggu sehingga setahun atau dua tahun dan sampai ke tiga tahun masih lagi apabila dibawa atau ditanya di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah, kenapakah projek yang telah diserahkan kepada FELCRA tidak dilaksanakan.

Maka jawapan daripada pegawai-pegawai yang bertugas ataupun yang ditugaskan adalah satu jawapan yang dikenalpasti bahawa FELCRA itu sendiri tidak mencukupi kemampuan sama ada dari segi tenaga pegawainya ataupun dari segi kewangannya. Dan

ada pula di antaranya pihak FELCRA terpaksa meminta bantuan daripada jabatan lain untuk melaksanakan projek yang telah diambil alih ataupun dikenalpasti untuk dilaksanakan oleh pihak FELCRA. Jadi, dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya tabung rizab yang telah dimasukkan di dalam pindaan Akta ini, saya berharap supaya kuasa yang diberi kepada Menteri untuk mengendalikan ataupun menguruskan wang yang diperuntukkan kepada Lembaga ini tidak lagi disalahgunakan ataupun digunakan kepada perkara-perkara yang lain kerana dengan adanya peruntukan wang rizab ini.

Saya berharap di masa yang akan datang pihak Lembaga ini tidak akan mengalami masalah kekurangan wang untuk memajukan kebun-kebun ataupun tanah-tanah yang terbiar begitu lama di dalam negara kita ini. Satu daripada kesedihan yang berlaku kepada pemilik tanah atau pekebun-pekebun ini ialah ada di antara mereka telah mengusahakan tanah mereka itu sendiri tetapi oleh sebab sempadan ataupun jiran di sebelah-menyebelah yang tidak mengusahakan tanah mereka itu dengan sebab itu pula telah merugikan pihak tuan-tuan punya tanah yang mengusahakan tanah tersebut. Ini disebabkan oleh sebagaimana yang saya katakan tadi keluasan tanah yang begitu kecil menyebabkan mereka yang mempunyai tanah itu tidak mahu mengusahakan, sebaliknya ada mereka yang berusaha itu tetapi telah gagal ataupun kerugian disebabkan jiran di sebelah-menyebelah tuan punya tanah tersebut tidak mengusahakan. Jadi, dengan adanya pindaan Rang Undang-undang yang kita luluskan di Dewan yang mulia ini, saya berharap pihak FELCRA ataupun pihak Lembaga ini akan dapat membuat sesuatu kemajuan yang begitu pesat kepada tanah-tanah yang telah terbiar di dalam negara ini. Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menjawab dan menggulung perbahasan.

6.14 ptg.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan dan memberikan perangsang kepada Kementerian untuk meneruskan lagi tanggungjawab dan kegiatan-kegiatannya, terutama sekali dari segi meningkatkan taraf hidup penduduk-penduduk luar bandar.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa keperluan pindaan ini amat perlu dan dengan aluan yang diterima di dalam Dewan ini nyata bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan akan dapat menambahkan lagi prestasi agensi di bawah Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Tampin telah menekankan peri mustahaknya dari segi Seksyen 4 (3) (c) dalam segi usahasama supaya sesuai dengan fungsi pemulihan tanah terbiar yang menjadi lebih penting akhir-akhir ini supaya proses usahasama dapat dipermudahkan dan dengan tidak perlu mendapat kelulusan Menteri atau Menteri Kewangan terlebih dahulu. Dalam hal ini Kementerian telah mengkaji sedalam-dalamnya dan amat perlu diadakan satu pengawalan dan juga pengawasan supaya masalah tanggungjawab (accountability) dapat diperkuatkan, apatah lagi akhir-akhirnya masalah accountability atau tanggungjawab menjadi persoalan utama dalam agensi-agensi Kerajaan yang melibatkan diri secara commercial dan apatah lagi dengan dasar penswastaaan yang menjadi pendekatan baharu pada hari ini maka

control ataupun pengawasan-pengawasan serupa ini amat perlu supaya setiap sen wang rakyat dibelanjakan dengan penuh tanggungjawab.

Yang Berhormat dari Tampin juga mengalu-alukan dari segi pembentukan wang rizab, bahkan pemilikan tanah yang kecil atas permintaan tuan punya tanah untuk memajukannya maka bukan sahaja dari segi wang Kerajaan, bahkan juga wang rizab boleh diperuntukkan. Keperluan wang rizab ini ialah pertama kerana adanya lebih-lebihan daripada proses-proses yang dilakukan oleh FELCRA sendiri, terutama sekali apabila melibatkan diri dalam usaha-usaha pemprosesan dan lain-lain operasi downstream yang mana pendapatan-pendapatan daripada proses ini atau kegiatan-kegiatan ini dapat dimasukkan dalam wang rizab ini. Dan dengan adanya tabung ini maka dapatlah plough back ataupun diagihkan semula kepada pewaris-pewaris rancangan ataupun projek itu, terutama sekali generasi kedua yang perlukan pertimbangan dan bimbingan dalam gerakan pembangunan tanah dan juga pembangunan luar bandar.

Yang Berhormat dari Tampin juga menekankan masalah menentukan supaya satu kumpulan yang telah dikenalpasti ataupun satu kawasan yang telah dikenalpasti untuk memajukan secara in situ atau yang dilakukan oleh FELCRA ini dengan tidak memindahkan penduduk-penduduk dan bagaimana pula kalau ada antara mereka yang enggan dari segi penyertaan. Memang pendekatan FELCRA ialah dengan cara memujuk peserta-peserta ataupun tuan-tuan tanah yang kecil supaya dapat menyertai dalam rancangan-rancangan pemulihan dan penyatuan. Ada juga kalanya kita dapat meletakkan carrot ataupun memancing mereka dengan menyediakan tanah-tanah Kerajaan yang baharu untuk mencukupkan

pegangannya menjadi ekonomik kalau ada tanah-tanah yang berdekatan dengan tanah-tanah atau perkampungan itu. Tetapi malangnya semakin hari tanah-tanah Kerajaan semakin berkurangan dan apabila adanya keadaan di mana peserta-peserta agak enggan menyertai rancangan itu dan kita fikir perlu peserta ini mengikut sama melibatkan diri ada peruntukan-peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara seperti misalnya Seksyen 129 Kanun Tanah Negara yang boleh kita minta Kerajaan Negeri memaksa dengan cara pajakan kecil ataupun apa juga perjanjian untuk tuan-tuan tanah yang enggan menyertai ini ikut serta dalam rancangan supaya tidak mengganggu rancangan ini. Tetapi ini pun ialah satu usaha terakhir ataupun dengan izin, last resort, supaya kita tidak melanggar semangat Perlembagaan, semangat property owning democracy dalam Artikel 13, di mana kita tidak memaksa mereka dari segi penggunaan tanahnya dan hanya kalau perlu kita menggunakan seksyen 129 Kanun Tanah Negara itu.

Begitu juga dengan masalah jenis tanaman. Yang Berhormat dari Tampin telah menekankan masalah jenis tanaman kerana katanya di Negeri Sembilan, tempat Yang Berhormat terdapat banyak kawasan-kawasan padi dan oleh kerana ketiadaan sistem pengairan dan sistem perairan yang baik maka kebanyakan tanah-tanah sawah sudah terbiar. Bahkan inilah usaha FELCRA yang khusus iaitu pemulihan tanah terbiar itu dan adakalanya kita merubah jenis tanaman supaya dapat mengatasi masalah-masalah fisikal seperti pengairan, dan kadangkala dengan menukar tanaman ini dapat menambahkan produktiviti ataupun pulangan daripada tanah, tuan-tuan tanah itu.

Yang Berhormat itu juga telah menekankan masalah sistem saham di mana sistem saham dapat mengatasi masalah pemilikan, masalah kepulangan, masalah pengurusan dan sebagainya. Tetapi yang menjadi masalah mengikut Yang Berhormat ialah keyakinan tuan-tuan tanah untuk menyertai sistem saham ini.

Dengan adanya peruntukan dalam Rang Undang-undang Pindaan ini maka kuasa yang membolehkan FELCRA membuat perbadanan akan dapat membentuk perbadanan-perbadanan khusus bagi satu-satu rancangan supaya di mana sistem atau saham akan dapat dikeluarkan daripada perbadanan ini seperti yang telah dibuat oleh FELDA setakat ini mulai daripada tahun ini untuk mengatasi masalah pegangan tanah. Dan bahkan sistem saham oleh FELCRA telah pun berjalan dalam beberapa rancangan seperti di Lembah Kesang, Semujuk dan sebagainya di mana sistem saham telah nyata berjaya dan dalam tempoh enam tahun, peserta-peserta rancangan Lembah Kesang telah dapat membayar balik semua hutang kos pembangunannya dan kini sudah mula membayar balik hutang rumahnya. Ternyata sistem saham ini adalah lebih baik dan kini Kementerian sedang meninjau bagaimana dapat diwujudkan suatu sistem saham yang lebih khusus yang dapat menggantikan keperluan peneroka atau peserta satu sandaran terhadap mendapatkan kemudahan-kemudahan pinjaman kredit di mana kalau zaman dahulu orang, orang kampung menggunakan gran untuk mencagarkan grannya kepada "ceti" tetapi kini dengan adanya sophistication dalam pemikiran dan juga dengan adanya institusi-institusi kewangan maka peneroka ataupun tuan-tuan tanah sudah sedar bahawa ada cara lain yang boleh mendapatkan kredit dengan syarat ada sandaran dan kita harap dapat membentuk atau mewujudkan suatu sistem saham yang

lebih sesuai dengan kehendak-kehendak petani-petani pada hari ini dalam mendapatkan kemudahan kredit.

Masalah penerangan terhadap kegiatan-kegiatan FELCRA juga telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Ahli Yang Berhormat daripada Tampin, Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas dan sebagainya bahawasanya tidak cukup penerangan dari segi kebaikan dan manfaat dari agensi FELCRA terhadap orang-orang kampung di luar bandar yang memerlukan bantuan Kerajaan dari segi memulih dan memajukan tanah-tanah mereka yang terbiar. Ini menjadi tumpuan FELCRA dan juga Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk menerangkan menerusi pegawai-pegawai pembangunan sosialnya. Di tiap-tiap agensi sekarang telah kita cuba wujudkan pegawai-pegawai penerangan khas, FELDA mempunyai S.D.O, (Settlers' Development Officers) atau pegawai pemaju peneroka atau penolong pegawai pemaju peneroka, lebih kurang 500 daripadanya termasuk bahagian wanita dan bahagian agama. Begitu juga dengan RISDA, begitu juga dengan FELCRA yang mempunyai 3P dan 4P serta 5P iaitu pegawai-pegawai pembangunan sosial ataupun pegawai pengembangan yang mana kita harap akan dapat memberikan penerangan-penerangan yang lebih lengkap mengenai kegiatan-kegiatan FELCRA supaya segala keterangan ini dapat meyakinkan tuan-tuan tanah yang meninggalkan tanahnya secara terbiar dapat dimajukan supaya dapat meningkatkan hasil negara.

Begitu juga tentang pandangan Yang Berhormat daripada Tampin mengenai masalah tenaga-tenaga yang sudah tua, orang-orang tua tinggal sebagai petani manakala tenaga-tenaga muda terpaksa keluar ke bandar dan sektor-sektor lain untuk mencari

nafkahnya. Di sini FELCRA juga memandang berat masalah jenerasi kedua ataupun orang-orang muda, bukan sahaja untuk melibatkan mereka sebagai peserta di mana rancangan-rancangan FELCRA untuk belia yang kini kita tangguhkan sementara seperti di Lubuk Cina, di Terengganu dan juga di lain-lain tempat di mana, kita berikan kepada belia-belia bujang tempat dalam rancangan dan kini ternyata bahawa kebanyakan daripada mereka sudah berumahtangga dan maju. Bukan itu sahaja, kita juga memikirkan bagaimana hendak mereka melibatkan sebagai pekerja ataupun mungkin dari segi "rakan usaha sama". Dan petani-petani muda bagi kita amat penting supaya penglibatan anak-anak muda dalam usaha-usaha pertanian tidak akan lenyap begitu sahaja manakala mereka akan pergi ke sektor-sektor lain. Usaha untuk menampung jenerasi kedua dalam semua rancangan tanah bukan sahaja dalam FELCRA, adalah menjadi kesedaran dan matlamat Kementerian pada hari ini kerana kita sedar bahawa ada perancangan yang tidak mengambil kira masalah jenerasi kedua; bahkan telah kita sedar kelemahan-kelemahan dalam perancangan FELDA atau FELCRA sendiri di mana masalah jenerasi kedua tidak tercermin dalam struktur perancangannya. Misalnya peruntukan rancangan perumahan yang lebih luas untuk jenerasi kedua ataupun pembangunan industri sebagai "economic support" kepada jenerasi kedua akan diambil kira dalam rancangan tanah supaya jenerasi kedua akan juga diambil perhatian dalam menggerakkan pembangunan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Mukah, Kapit dan juga dari Batang Lupar—Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sarawak semuanya—mengalukan langkah FELCRA untuk meluaskan kegiatannya ke Sabah dan Sarawak. Sesungguhnya

FELCRA telah pun terlibat secara tidak rasmi dalam kegiatan-kegiatan di kawasan-kawasan RASCOM

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung semula esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.